



**MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
DOKUMEN TENDER**

**UNTUK**

**PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA  
DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
BAGI TEMPOH 3 TAHUN.**

**NO. TENDER: MPAG/T/01/2024**

**HARGA DOKUMEN TENDER:**

**RM300.00**

**PERINGATAN :**

- Pembida dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen tender sebelum mengemukakan tawaran.
- Pembida adalah diwajibkan untuk memastikan dokumen tender adalah lengkap kesemua muka surat dan sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan adalah menjadi tanggungjawab pembida untuk mendapatkan penjelasan daripada MPAG.
- Keputusan tender adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

## PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TEMPOH 3 TAHUN.

NO. TENDER: MPAG/T/01/2024

### ISI KANDUNGAN

1. TAKRIF .....	2
2. KENYATAAN TENDER.....	3
3. SYARAT- SYARAT AM/ ARAHAN/ SYARAT-SYARAT KHAS BERHUBUNG DENGAN TENDER .....	4
4. SPESIFIKASI .....	26
5. SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN TEKNIKAL.....	29
6. SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN KEWANGAN.....	30
7. KAEDAH PENETAPAN PENILAIAN PEMARKAHAN .....	33
8. SURAT SETUJU TERIMA.....	33
9. SALINAN PERJANJIAN KONTRAK.....	33

## **SENARAI LAMPIRAN**

1. LAMPIRAN 1: CONTOH BON PELAKSANAAN
2. LAMPIRAN 2: LOKASI PENEMPATAN KOMPUTER PERIBADI
3. LAMPIRAN 3: JADUAL SPESIFIKASI KOMPUTER PERIBADI
4. LAMPIRAN 4: JADUAL PELAKSANAAN
5. LAMPIRAN 5: BORANG ADUAN BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN
6. LAMPIRAN 6: SURAT AKUAN PEMBIDA
7. LAMPIRAN 7: CONTOH SURAT SETUJU TERIMA
8. LAMPIRAN 8: DRAF SALINAN PERJANJIAN KONTRAK
9. LAMPIRAN 9: CONTOH BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
10. LAMPIRAN A1: CONTOH SIJIL MyHIJAU MARK dan SIJIL ENERGY STAR
11. LAMPIRAN B1: RINGKASAN TAWARAN HARGA
12. LAMPIRAN B2: JADUAL TAWARAN HARGA
13. LAMPIRAN C1: SYARAT-SYARAT KHAS



## 1. TAKRIF

1. **Kerajaan** – Kerajaan Malaysia termasuklah Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), agensi-agensi di bawah pentadbiran MPAG serta Ketua Jabatan/ Pegawai/ Kakitangan MPAG yang diberi kuasa.
2. **MPAG** – Majlis Perbandaran Alor Gajah termasuklah Bahagian/ Jabatan/ Institusi/ Kakitangan/ Pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sesuatu perolehan dan perkara yang berkaitan dengannya.
3. **Pembida yang berjaya** – satu atau lebih daripada seorang pembida yang tendernya telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) serta yang telah mematuhi kesemua syarat yang terkandung di dalam tawaran ini.
4. **Pembekalan/ Perkhidmatan** – Segala barang, peralatan, pembungkusan dan perkhidmatan berkaitan sewaan mesin penyalin (pelbagai fungsi) seperti yang termaktub dalam Jadual Spesifikasi, Skop Perkhidmatan, Syarat-Syarat, Arahan dan Penjelasan Berhubung dengan Dender yang perlu dilaksanakan oleh pembida yang berjaya.
5. **Pegawai Penerima** – Pegawai yang diberi kuasa untuk menerima dan mentauliah barang/ perkhidmatan yang dibekalkan.
6. **Hari Bekerja Kerajaan** – Hari bekerja pihak Kerajaan seperti yang ditetapkan mengikut negeri tidak termasuk cuti umum bermula 7.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat bagi negeri-negeri yang mana cuti umum adalah pada hari Sabtu dan Ahad, dan dari pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari Ahad hingga Khamis bagi negeri-negeri yang mana cuti umum adalah pada hari Jumaat dan Sabtu.
7. Apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan dalam dokumen ini hendaklah ditafsirkan mengikut penggunaan atau takrif yang biasa digunakan dalam industri atau profesyen yang berkenaan.

## 2. KENYATAAN TENDER

Semua pembida hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Kerajaan.

### 2.1 TUJUAN TENDER

- a) Pelawaan tender ini adalah untuk mendapatkan Tender Terbuka Perkhidmatan Sewaan 110 Unit Komputer Peribadi Cepak Tenaga Dan Mesra Alam Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tempoh 3 Tahun.
- b) Tawaran tender ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang:

**210101 - Hardware (low end technology) - Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printers, document scanner, peripheral and maintenance**

**DAN**

**210109 - Hardware and software leasing / renting**

**PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TEMPOH 3 TAHUN.**

**NO. TENDER: MPAG/T/01/2024**

**TARIKH IKLAN TENDER: 15 OGOS 2024 (KHAMIS)**

**TARIKH TUTUP IKLAN TENDER: 9 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)**

- c) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara Tender Terbuka melalui **Sistem Tender Online Melaka (STOM)**.

### 2.2 TEMPOH IKLAN TENDER

- a) Tempoh iklan bagi tender perkhidmatan ini adalah selama **21 hari** kalendar. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Majlis Perbandaran Alor Gajah <https://www.mpag.gov.my>, Sistem Tender Online Melaka (STOM) <https://stom.melaka.gov.my> dan laman sesawang *Facebook* Majlis Perbandaran Alor Gajah.
- ~~b) Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key in*) ke dalam Sistem Tender Online Melaka (STOM) sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender. Cadangan tender yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.~~

- c) Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembida kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembida dan MPAG tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

### **3. SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER**

#### **3.1 SYARAT-SYARAT AM**

Pembida hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

Tawaran daripada pembida dari kalangan negara FTA yang menyertai perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA tidak akan dipertimbangkan.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah terpakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Pembida.

#### **a) Perakuan Menyatakan Penentuan Telah Dipatuhi**

Pembida dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan adalah mengikut penentuan spesifikasi yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

#### **b) Bekalan/ Perkhidmatan Setara**

Pembida boleh membuat tawaran bagi bekalan/ perkhidmatan setara yang sesuai, dengan syarat butir-butir penuh diberi.

#### ~~c) Penentuan Kod Item~~

- ~~i. Pembida hendaklah mengenal pasti kod item bagi bekalan/ perkhidmatan yang ditawarkan sebagai persediaan untuk penyediaan Surat Setuju Terima sekiranya berjaya.~~

- ~~ii. Sila rujuk garis panduan penentuan kod item yang boleh dicapai melalui Portal ePerolehan <http://home.eperolehan.gov.my/>.~~
- ~~iii. Kod item wajib dikunci masuk oleh pembida yang berjaya semasa menyetujui terima tawaran Kerajaan.~~

## d) Harga Indikatif Jabatan

- i. Harga Indikatif Jabatan yang ditetapkan bagi tender **Perkhidmatan Sewaan 110 Unit Komputer Peribadi Cepak Tenaga Dan Mesra Alam Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tempoh 3 Tahun** adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu Dua Ratus Sahaja (RM727,200.00)**.
- ii. Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- iii. Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.
- ~~iv. Tawaran harga hendaklah mengambil kira kenaikan fi perkhidmatan bagi perolehan yang dilaksanakan melalui Sistem ePerolehan (Sistem eP).~~
- v. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Sah laku tawaran adalah selama 180 hari dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan tawaran pembida boleh ditolak.
- ~~vi. Harga tawaran yang ditawarkan oleh pembida hendaklah dikunci masuk dalam Sistem ePerolehan.~~
- vii. Harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran tender ini ditutup serta akan berkuatkuasa dalam tempoh sah laku tender. Harga yang ditawarkan oleh Pembekal yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berkuatkuasa dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan **KECUALI** atas persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak. **Harga yang ditawarkan haruslah mengikut mekanisme penggenapan harga yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu dalam dua (2) titik perpuluhan sahaja. Contoh: RM2.10.**
- viii. Harga yang ditawarkan hendaklah mengambil kira semua kos yang



terlibat semasa atau selepas tawaran, kos pentadbiran dan lain-lain kos yang berkaitan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

- ix. Pembida dinasihatkan untuk tidak sesekali '*under quote*' atau '*over quote*' harga tawaran. Sebarang tuntutan kenaikan harga yang timbul akibat daripada perbezaan tafsiran antara Kerajaan dengan pembida mengenai spesifikasi barangan, peralatan, perkakasan, perisian atau perkhidmatan tidak akan dilayan.
- x. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran. Keputusan Kerajaan adalah muktamad dan sebarang cadangan, bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.

## ~~e) Perubahan dan Prolongasi Tempoh Kontrak~~

~~Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan dan prolongasi tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/ atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.~~

## ~~f) Fi Perkhidmatan Sistem ePerolehan~~

~~Kadar Fi Perkhidmatan bagi Kontrak Bermasa (*multiple payment*) adalah sebanyak 0.4% dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali bayaran (*multiple payment*).~~

## g) Cukai

Semua tawaran harga oleh pembida hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan **tanpa** Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan.

## h) Insurans

Pembida yang berjaya hendaklah menginsuranskan bekalan/ perkhidmatan yang disewakan sepanjang tempoh kontrak dengan syarikat insurans di bawah polisi insurans yang komprehensif.

## i) Persetujuan Penerimaan Tawaran

- i. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

- ii. Kerajaan berhak untuk mengadakan rundingan lanjut dengan pembida yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetujui terima. Hak kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan.
- iii. Kerajaan juga berhak untuk mengadakan bidaan dalam kalangan pembida yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetujui terima.
- ~~iv. Kerajaan boleh mengemukakan penjelasan berhubung proses perolehan (*debriefing*) ke atas mana-mana permohonan daripada pembida secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan Pihak Berkuasa Melulus dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT.~~
- ~~v. Keputusan Kerajaan adalah muktamad tidak tertakluk kepada bantahan yang diterima.~~
- vi. Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap pembida yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau pembida yang menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan oleh Kerajaan atau pembida tidak membekal atau memberi perkhidmatan setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani.

## **j) Iklan dan Publisiti**

Pembida tidak boleh tanpa kelulusan bertulis daripada Kerajaan terlebih dahulu mengiklankan atau memberi kuasa atau kebenaran kepada mana-mana orang untuk mengiklankan tender ini dalam sebarang akhbar, majalah atau sebarang jenis pengiklanan lain.

## **k) Bon Pelaksanaan**

Bagi kontrak bekalan/ perkhidmatan, pembida yang berjaya hendaklah mengembalikan SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangani beserta Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan yang nilainya adalah seperti berikut:

- i. 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau

- ii. 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
- iii. Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembida hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) daripada bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia sama ada dalam bentuk:

- i. Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
- ii. Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
- iii. Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
- iv. Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
- v. Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

Bon Pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST pembida. Contoh Bon Pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

## **l) Tafsiran**

Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan pembida bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **m) Pemeriksaan**

Kerajaan sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan/ perkhidmatan itu pada bila-bila masa sebelum penyerahan bekalan/ perkhidmatan tersebut kepada pihak Kerajaan. Jika terdapat kerosakan/ kekurangan, pembida hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/ kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.

Pembida hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh pembida.

## **n) Penolakan Bekalan/ Perkhidmatan**

Bekalan/ perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/ perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran pembida boleh ditolak oleh pihak Kerajaan.

Apabila diminta, pembida hendaklah menyebabkan bekalan/ perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan/ perkhidmatan yang ditolak itu.

Perkara di perenggan (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **o) Kuantiti Tawaran/ Kuantiti Tambahan**

Apa-apa pesanan tambahan (sekiranya ada) akan dikeluarkan oleh Kerajaan dalam tempoh kontrak yang masih berkuat kuasa dan pembida yang berjaya dikehendaki membuat pembekalan atau menyediakan perkhidmatan dengan harga dan syarat-syarat yang sama seperti mana yang terkandung dalam kontrak asal.

## 3.2 ARAHAN KEPADA PEMBIDA

Arahan kepada pembida ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan kontrak hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak.

### a) Penyediaan dan Penyerahan Cadangan Tawaran

Pembida hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran termasuk memuat naik semua dokumen sokongan dan lampiran wajib yang disenaraikan dalam 'pen drive' serta menyerahkannya bersama dokumen tawaran tender sebelum tarikh dan waktu tutup pelawaan tender. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran ditolak.

Pembida adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan memuat naik tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/ lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.

Semua dokumen yang diserahkan oleh pembida termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia/ Bahasa Inggeris sahaja.

Pembida hanya dibenarkan menghantar SATU (1) tawaran sahaja bagi cadangan yang ditawarkan. **Tawaran pilihan (*alternative offer*) adalah tidak dibenarkan.** Jika terdapat tawaran pilihan, Kerajaan berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

Kerajaan akan membuat pemberitahuan kepada pembida sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (*addendum*) berkaitan pelawaan ini di dalam portal rasmi Sistem Tender Online Melaka (STOM). Setiap notis atau pindaan (*addendum*) yang dilakukan akan diberi notifikasi oleh sistem kepada pembida dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

~~Pembida bertanggungjawab memastikan penyerahan dokumen atas talian berjaya dibuat. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan pembida dalam melaksanakan penyerahan dokumen atas talian. Sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi, maka cadangan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.~~

**b) Perbelanjaan Penyediaan Cadangan Tawaran**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.

**c) Tempoh Sah Laku Tawaran**

Tempoh sah laku tawaran adalah selama **180 hari** daripada tarikh tutup tender sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Pembida yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

~~**d) Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*)**~~

~~Pembida boleh mengemukakan permohonan *debriefing* secara rasmi melalui e-mel kepada pegawai di Bahagian Perolehan, Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang tertera pada klausa Pertanyaan dalam dokumen ini dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan PBM dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT. Agensi hendaklah mengemukakan maklum balas kepada pembida secara rasmi selewat-lewatnya lima (5) hari selepas menerima permohonan daripada pembida.~~

**e) Bantahan ke Atas Spesifikasi Tender yang Menjurus kepada Sesuatu Jenama**

Pembida boleh membuat bantahan ke atas spesifikasi tender sekiranya mendapati spesifikasi tender menjurus kepada sesuatu jenama sahaja. Bantahan boleh dibuat secara bertulis kepada:

**UNIT PEROLEHAN,  
Majlis Perbandaran Alor Gajah,  
Lebu AMJ 78000, Alor Gajah,  
Melaka**

Bantahan tersebut berserta bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan dalam tempoh 10 hari berturut-turut dari tarikh dokumen tender mula diiklankan. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

Sebarang bantahan daripada pembida akan diputuskan oleh wakil daripada Agensi Pengguna, wakil daripada Bahagian Perolehan dan wakil daripada Agensi lain yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang tersebut. Keputusan jawatankuasa adalah muktamad.

**f) Pembatalan Pelawaan**

Kerajaan berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembida kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembida.

**g) Pemberitahuan Penerima**

Pemberitahuan kepada pembida yang berjaya mendapat tawaran Kerajaan akan dibuat melalui pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).

Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada pembida tentang persetujuannya terhadap syarat/ pindaan tambahan itu diterima.

Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Kerajaan dengan pembida itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

**h) Tempoh Kontrak**

Tempoh kontrak bagi tender ini adalah selama **3 tahun**.

**i) Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah**

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan

pembida atau pembida boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.

Mana-mana pembida atau pembida yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

## **j) Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan**

Kesemua pembida yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida yang mengandungi pengakuan bahawa:

- i. Pembida tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- ii. Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
- iii. Sekiranya pembida didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
- iv. Pembida yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Kerajaan juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

## **k) Peringatan Mengenai Pakatan Harga**

Sekiranya didapati pembida terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/ tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/ peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.



l) **Dasar Perolehan Hijau Kerajaan**

Dalam melaksanakan perolehan ini, petender hendaklah mengambil kira kriteria dan standard alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan sumber semula jadi yang berpunca daripada aktiviti manusia.

m) **Pertanyaan**

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai spesifikasi tender ini hendaklah dirujuk kepada **Jabatan Teknologi Maklumat**, Majlis Perbandaran Alor Gajah seperti berikut:

Nama /Jawatan/ Emel/ No. Tel	PUAN NOORHAYATI BINTI MOHAMED ISA Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Alor Gajah, it@mpag.gov.my 06-5561010/2575
Alamat	Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebuh AMJ, 78000, Melaka
Waktu Pejabat	8.00 pagi – 5.00 petang

Sebarang pertanyaan/ masalah mengenai **Proses Perolehan/ Dokumen Tender**, Pembida bolehlah merujuk kepada **Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Alor Gajah**.

Nama/ Jawatan/ Emel/ No. Tel	NADIA LIYANA BINTI HURAIRAH, Penolong Juruukur Bahan nadialiyana@mpag.gov.my 06-5561010/2575
Alamat	Unit Perolehan Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebuh AMJ, 78000, Melaka
Waktu Pejabat	8.00 pagi – 5.00 petang

Sebarang pertanyaan/ masalah mengenai **Sistem Tender Online Melaka (STOM)**, pembidabolehlah merujuk kepada

Alamat	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Aras 1, Blok Temenggong, Seri Negeri, Hang tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka
No. Telefon	06-333 3333 samb 7768
E-mel	fauzi.elham@melaka.gov.my
No. Faks	06- 232 8620
Waktu Pejabat	8.00 pagi – 5.00 petang

Pembida juga boleh mengunjungi Kaunter Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Melaka. Sila rujuk lokasi MPAG di portal rasmi Majlis Perbandaran Alor Gajah .

## 3.3 SYARAT-SYARAT KHAS TERMA KONTRAK

### a) Kontrak

Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana lampiran yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen tawaran ini adalah merupakan sebahagian daripada Kontrak yang akan ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan pembida yang berjaya. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani Kontrak dengan Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat Kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat Kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan cadangan tawaran.

### b) Nilai Kontrak

Nilai keseluruhan Kontrak ini adalah sebagaimana dalam Surat Setuju Terima (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Nilai Kontrak”) dan bagi maksud Kontrak ini dan tertakluk kepada pembida memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Kontrak ini, Kerajaan hendaklah sebagai ganjaran kepada pembekalan atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pembida, membuat pembayaran kepada pembida mengikut Klausula Terma Pembayaran yang telah dipersetujui.

Pengiraan kepada Nilai Kontrak adalah berdasarkan kepada Jadual Harga yang dinyatakan. Nilai Kontrak yang dinyatakan adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga boleh dibuat oleh pembida kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan.

Kerajaan tidak terikat untuk memenuhi/ menggunakan sepenuhnya nilai Kontrak (nilai/ kuantiti) dalam tempoh kuat kuasa Kontrak.

### c) Penamatan Kontrak oleh Kerajaan

Keingkaran oleh pembida - Dalam keadaan di mana pembida, tanpa sebab-sebab yang munasabah:

- i. Menghentikan atau menggantung daripada pelaksanaan dan gagal meneruskan pelaksanaan obligasi-obligasinya di bawah Kontrak ini secara tetap dan tekun;
- ii. Gagal melaksanakan obligasi di bawah Kontrak ini atau mengabaikan obligasi-obligasinya dibawah Kontrak ini secara berterusan;

- iii. Melanggar mana-mana obligasinya atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat Kontrak ini,

maka Kerajaan hendaklah memberikan notis bertulis kepada pembida dengan menyatakan butir-butir kegagalannya dan meminta pembida untuk membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam Kontrak dari tarikh notis tersebut. Sekiranya pembida gagal membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang disebutkan atau tempoh lain yang ditentukan oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa selepas memberikan notis penamatan kepada pembida.

Ingkar Am - Sekiranya pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak: Jika pembida itu sebagai:

- i. orang perseorangan (atau apabila pembida itu adalah sebuah perkongsian, mana-mana pekongsi) pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah penghukuman dibuat terhadapnya atau pembida telah membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang-pemiutang atau;
- ii. sebuah syarikat, pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak;
- iii. satu perintah telah dibuat atau satu resolusi telah diluluskan bagi penggulungan syarikat, kecuali bagi tujuan penyusunan semula atau penyatuan yang tidak melibatkan pencairan aset di mana kepentingan pemiutang adalah terjamin;
- iv. syarikat dibubarkan atau seorang penerima, pengurus atau penyelesaian sementara (*provisional liquidator*) telah dilantik ke atas aset syarikat atau syarikat membuat serah hak untuk manfaat pemiutang atau membuat penyelesaian atau perkiraan dengan pemiutang atau menghentikan pembayaran atau tidak berupaya untuk membayar hutangnya;
- v. pelaksanaan terhadap sebahagian besar aset syarikat dikenakan *levi* melainkan ia telah dengan suci hati memulakan prosiding untuk mengenenpikan pelaksanaan tersebut, maka Kerajaan berhak menamatkan Kontrak ini serta-merta dengan memberinotis kepada pembida bagi tujuan tersebut dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Kontrak ini tidak akan menjejaskan hak-hak lain Kerajaan untuk mendapatkan apa-apa ganti rugi yang terakru dalam Kontrak ini.

Dalam keadaan di mana kebangkrapan atau penggulungan syarikat akan berlaku, pembida mengaku janji untuk memaklumkan Kerajaan dalam masa hari mengenai niatnya untuk diisytiharkan bankrap atau menggulung syarikat. Dalam keadaan tersebut, pembida hendaklah memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai punca-punca lain bagi mendapatkan pembekalan/ perkhidmatan berkenaan.

Dalam keadaan di mana Kontrak ini telah ditamatkan berdasarkan klausa di atas, Kerajaan hendaklah berhak menuntut daripada pembida apa-apa kerugian atau ganti rugi akibat daripada penamatan ini dengan tidak menjejaskan apa-apa hak lain yang ada pada Kerajaan di bawah Kontrak ini.

Penamatan tersebut hendaklah tidak menjejaskan atau memprejudiskan hak-hak pihak-pihak yang telah wujud sebelum penamatan Kontrak ini dan obligasi-obligasi berkaitan dengan apa-apa tindakan, perkara atau perbuatan yang berlaku sebelum penamatan di bawah kontrak ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan kontrak ini.

**d) Penamatan Kontrak atas Kesalahan Rasuah, Kegiatan-Kegiatan Tidak Sah atau Menyalahi Undang-Undang**

Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya pembida, kakitangan pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Kontrak ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada pembida untuk menyatakan sedemikian kepada pembida.

Kerajaan berhak menuntut daripada pembida apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.

Pihak-Pihak bersetuju bahwa pembida tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

## e) **Penamatan Kontrak atas Kepentingan Negara**

Tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan dalam Kontrak ini, Kerajaan berhak menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada pembida (tanpa perlu memberi apa-apa sebab) sekiranya Kerajaan berpendapat penamatan itu perlu dilaksanakan atas kepentingan negara, kepentingan keselamatan negara atau bagi tujuan polisi Kerajaan atau polisi awam.

Bagi maksud klausa ini, perkara yang berjumlah kepada "kepentingan negara", "kepentingan keselamatan negara", "polisi Kerajaan" dan "polisi awam" hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sahaja dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa pembida tidak berhak untuk menuntut sebarang kerugian termasuk kehilangan perolehan pendapatan, pampasan, tuntutan, ganti rugi atau sebagainya atas penamatan Kontrak ini.

## f) **Terma Pembayaran**

Pembayaran akan dibuat berdasarkan pembekalan/ perkhidmatan sebenar yang akan disempurnakan dengan syarat jumlah keseluruhan pembayaran tidak melebihi nilai kontrak.

Semua pembayaran akan dibuat dalam **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja kepada akaun bank pembida yang berjaya.

Pembayaran kepada pembida tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa pembekalan/ perkhidmatan itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki. Pembayaran oleh Kerajaan tidak melepaskan pembida daripada tanggungjawabnya yang berkaitan.

## g) **Denda/ Tolakan/ *Liquidated Ascertained Damages* (LAD)**

Pembida dikehendaki melaksanakan pembekalan/ perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/ perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan setelah pesanan/ arahan dikeluarkan oleh Kerajaan. Sekiranya pembida gagal melaksanakan pembekalan/ perkhidmatan dalam tempoh dan/ atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/ arahan yang dikeluarkan dan/ atau mengenakan \*Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.

Kadar bagi kenaikan LAD untuk bekalan/ perkhidmatan (keseluruhan perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut :

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{Bilangan Hari Lewat})$$

Kadar bagi denda untuk bekalan/ perkhidmatan (sebahagian perolehan gagal disempurnakan) dan;

Kadar bagi denda untuk perkhidmatan sewaan peralatan adalah seperti berikut:

$$\text{Perkhidmatan A} \times \text{B} \times \text{C} \times 1\%$$

Di mana:

A: Nilai Sewaan

B: Bilangan Hari Lewat

C: Bilangan Peralatan

Kadar lewat selenggara sekiranya pembekal gagal menyelenggara komputer setelah aduan kerosakan diterima dalam tempoh yang telah ditetapkan:

Kadar Lewat Selenggara	:	Bilangan hari lewat x 7% x kadar sewaan bulanan mengikut kategori komputer
------------------------	---	--

Kerajaan berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh pembida dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh pembida.

Sekiranya Kerajaan mendapati pembida masih gagal meremedikan atau menyempurnakan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, Kerajaan adalah berhak untuk menamatkan Kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada pembida.

## **h) Addenda/ Pindaan**

Apa-apa perkara dalam Kontrak boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan, pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua Pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.

## **i) Kerahsiaan**

Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Kerajaan, pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya hendaklah pada bila-bila masa tidak mendedahkan kepada mana-mana orang atau badan atau entiti, sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan kepadanya bagi tujuan pelaksanaan Kontrak ini atau diketahui olehnya dalam pelaksanaan Kontrak ini. pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya juga tidak boleh mendedahkan kepada umum sebarang maklumat berkenaan cadangan, penilaian dan pandangan yang timbul daripada pelaksanaan Kontrak ini. Pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya tidak boleh membuat atau menyebabkan sebarang kenyataan media dibuat berkaitan dengan Kontrak ini tanpa kelulusan Kerajaan.

Klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Kontrak ini luput atau ditamatkan atas apa-apa sebab.

## **j) Penepian**

Kegagalan Kerajaan atau pembida menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Kontrak ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penepian, melainkan ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.

Sebarang penepian oleh Kerajaan hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha atau pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.

Sebarang penepian oleh pembida hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh pembida atau wakil yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

## **k) Kontrak Kecil/ Subkontrak**

Pembida tidak boleh membuat kontrak kecil/ mensubkontrakkan Kontrak ini atau apa-apa bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.



Jika Kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil/ mensubkontrakkan kepada mana-mana pihak lain dengan persetujuan bertulis Kerajaan, pembida bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan sub-kontraktor mematuhi terma dan syarat dalam Kontrak ini.

Sebarang isu yang timbul antara pembida dan sub-kontraktor mengenai Kontrak ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

## **l) Serah Hak atau Novasi**

Pembida tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kerajaan, menyerahkan hak, memindahkan, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan kepada pihak ketiga semua atau sebahagian daripada obligasi, manfaat atau liabiliti daripada atau yang mungkin terbit daripada Kontrak ini.

## **~~m) Penyelesaian Pertikaian~~**

~~Sebarang pertikaian antara Pihak-Pihak dengan apa-apa perkara di bawah Kontrak ini (kecuali berkaitan dengan Kerajaan menjalankan budi bicara mutlak di bawah Kontrak ini) boleh dirujuk kepada sebuah jawatankuasa penyelesaian pertikaian (dengan ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian") yang terdiri daripada:~~

- ~~i. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Pengerusi atau mana-mana pegawai yang dilantik dan diberi kuasa sewajarnya secara bertulis;~~
- ~~ii. seorang wakil yang dilantik oleh Kerajaan; dan~~
- ~~iii. seorang wakil yang dilantik oleh pembida~~

~~Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas dalam bidang yang berkaitan atau seorang pakar bebas untuk setiap bidang yang berkaitan (sekiranya terdapat lebih daripada satu bidang) untuk memberikan nasihat ke atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan pakar bebas yang dilantik tersebut akan ditanggung secara sama rata antara kedua-dua Pihak.~~

~~Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berusaha untuk mencapai suatu penyelesaian secara aman antara Pihak-Pihak apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.~~

~~Sekiranya sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak boleh dipersetujui oleh Pihak-Pihak yang berkenaan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan dibuat, mana-mana Pihak-Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbang tara.~~

~~Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi, masing-masing akan mempunyai satu undi.~~

~~Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan mengikat Pihak-Pihak.~~

## ~~n) Timbang Tara~~

~~Dalam keadaan di mana Kerajaan dan pembida gagal menyelesaikan apa-apa pertikaian secara aman, mana-mana pihak boleh merujuk pertikaian ini kepada timbang tara. Rujukan tersebut hendaklah dianggap sebagai persetujuan untuk ke timbang tara di bawah Akta Timbang tara 2005.~~

~~Untuk tujuan timbang tara, klausa-klausa yang berikut hendaklah terpakai:~~

- ~~i. Prosiding timbang tara hendaklah dikendalikan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pusat Timbang tara Serantau Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre*);~~
- ~~ii. Satu (1) Penimbang tara akan dilantik oleh Pengarah Pusat Timbang tara Serantau Kuala Lumpur;~~
- ~~iii. Tempat timbang tara dijalankan adalah di Pusat Timbang tara Serantau Kuala Lumpur menggunakan kemudahan dan sistem yang disediakan di pusat tersebut;~~
- ~~iv. Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbang tara ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;~~
- ~~v. Undang-undang yang terpakai untuk Kontrak ini ialah Undang-Undang Malaysia; dan~~
- ~~vi. Keputusan penimbang tara adalah muktamad dan mengikat kedua-dua Pihak.~~

Obligasi Pihak-Pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun rujukan dibuat kepada timbang tara atau sepanjang tempoh prosiding timbang tara berlangsung.

**o) Force Majeure**

Kerajaan dan pembida tidak akan dikira sebagai memungkiri sebarang obligasi di bawah Kontrak ini sekiranya ia tidak dapat memenuhi obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) akibat daripada kejadian *Force Majeure* kecuali obligasi untuk membuat sebarang bayaran. Kejadian *Force Majeure* bermaksud:

- i. Peperangan (sama ada diisytihar atau tidak), pertempuran, penaklukan, tindakan musuh asing
- ii. Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- iii. Bencana alam semula jadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gempa bumi, banjir dan kebakaran spontan bawah tanah atau apa-apa kuasa semula jadi yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga.
- iv. Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- v. Gelombang tekanan disebabkan oleh pesawat atau apa-apa peranti aerial yang bergerak di udarapada kelajuan sonik atau *supersonic*;
- vi. Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam kecuali jika hanya melibatkan pekerja, kakitangan atau ejen pembida; dan
- vii. Sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain di luar kawalan pihak-pihak.

Jika kejadian *Force Majeure* tersebut menyebabkan salah satu Pihak tidak mampu melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi dengan segera dalam masa empat belas (14) hari secara bertulis dari tarikh mula berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut dengan butiran terperinci serta kesannya kepada

Kontrak ini serta langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan sebarang kelewatan.

Sekiranya pembida ingin memohon sebarang perlanjutan masa, pembida dikehendaki mengemukakan kepada Kerajaan segala bukti yang cukup dan diperlukan tentang kejadian tersebut dan kesannya ke atas tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini. Kerajaan berhak untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelewatan tersebut dan setelah berpuas hati bahawa kelewatan tersebut adalah berpunca dari *Force Majeure* yang sah maka tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini akan dilanjutkan selama tempoh yang sama kepada tempoh pelaksanaan obligasi yang diberi di bawah Kontrak ini telah terjejas.

Jika salah satu pihak mempertimbangkan bahawa kejadian *Force Majeure* tersebut akan bertambah teruk atau akan terus berlanjutan untuk satu tempoh yang akan memberi kesan kepada kegagalan niat asal Kontrak ini, maka Pihak-Pihak boleh bersetuju bahawa Kontrak ini akan ditamatkan atas persetujuan bersama.

Jika Kontrak ini ditamatkan akibat kejadian *Force Majeure* berdasarkan klausa di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terhenti dan tiada pihak boleh membuat sebarang tuntutan kepada Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.

Tiada pihak berhak menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini sekiranya Pihak-Pihak telah menentukan secara munasabah bahawa kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak akan terus melaksanakan mana-mana obligasi yang tidak terjejas, tertunda atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

Dengan syarat sentiasa, klausa ini tidak akan terpakai bagi mana-mana kerosakan jentera atau mesin, pembetulan apa-apa kecacatan atau kekurangan pada jentera atau mesin, kekurangan pekerja atau ejen pembida atau pembetulan proses pelaksanaan obligasi oleh pembida yang dilakukan bagi tujuan Kontrak ini.

## 4. SPESIFIKASI

### 4.1 Skop Tender

Pembida yang berjaya hendaklah menyediakan Perkhidmatan Sewaan 110 Unit Komputer Peribadi Cepak Tenaga Dan Mesra Alam Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tempoh 3 Tahun. Perincian lanjut adalah seperti berikut:

- a) Senarai pembekalan Komputer Peribadi yang terlibat dan senarai lokasi penempatan adalah seperti di **Lampiran 2**.
- b) Jadual pelaksanaan bagi tempoh peralihan Komputer Peribadi adalah seperti di **Lampiran 4**.
- c) Kos sewaan hendaklah merangkumi segala kos penghantaran komputer, alat ganti, servis dan kerja baik pulih (sekiranya perlu).
- d) Pembida hendaklah membekalkan komputer baharu dan masih belum digunakan lagi dalam tempoh **tidak melebihi sepuluh (10) minggu daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani**.
- e) **Pembida hendaklah memastikan komputer yang dibekalkan mematuhi piawaian cepak dan jimat tenaga selaras dengan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement – GGP).**
- f) Pembida hendaklah mengemukakan bersama-sama tawaran tender ini *Letter of Authorization* (LOA) pembida secara rasmi daripada Agen Prinsipal.
- g) Bagi memastikan komputer tersebut berada dalam keadaan boleh digunakan dan berfungsi dengan baik, pembida hendaklah menjalankan ujian mutu ke atas mesin penyalin tersebut di hadapan pegawai yang diberi kuasa selepas penghantaran dan pemasangan dan sebelum peralatan tersebut disewakan kepada Kerajaan.
- h) Semua komputer yang dibekalkan untuk digunakan akan diuji mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah. Pembida hendaklah menyediakan sokongan kepakaran untuk ujian-ujian tersebut.

- i) Sekiranya Komputer tersebut gagal berfungsi dengan baik, pembida hendaklah menggantikan Komputer tersebut dengan Komputer yang baru menurut spesifikasi sebagaimana yang diperincikan di **Lampiran 3**. Sekiranya Kerajaan berpuas hati dengan ujian mutu yang dijalankan ke atas Komputer tersebut, Kerajaan bolehlah mengeluarkan Sijil Pengakuan Penerimaan (SPP) secara bertulis kepada pembida.

## 4.2 Khidmat Penyelenggaraan dan Sokongan

Pembida dihendaki bertanggungjawab dan bersedia memberikan khidmat penyelenggaraan dan sokongan yang diperlukan oleh Kerajaan.

Penyelenggaraan secara *on call basis* serta penyelenggaraan pencegahan secara berkala bagi setiap 6 bulan dilaksanakan secara percuma dimana pembida hendaklah menanggung semua kos penyelenggaraan dan pembaikan peralatan yang dilaksanakan.

Kerja-kerja penyelenggaraan Komputer dilakukan di antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat kecuali pada Hari Cuti Am. Penyelenggaraan peralatan serta menukarkan alat-alat ganti tanpa sebarang kos tambahan. Penyelenggaraan Komputer tersebut adalah merangkumi kerja-kerja yang berikut:

- i. Minor : Dalam tempoh **4 jam** (jika aduan dibuat sebelum jam 3.00 petang) manakala jika aduan dibuat selepas waktu tersebut, petender perlu mengambil tindakan sebelum jam 10.00 pagi keesokan harinya.

Sekiranya melibatkan kaunter bersepadu MPAG, tempoh yang diberi bagi pembaikan adalah **2 jam**. Jika melebihi tempoh yang ditetapkan, penggantian komputer peribadi mesti dibuat. Spesifikasi peralatan gantian perlulah setara dengan peralatan sedia ada.

- i. Major : Dalam tempoh **3 hari** bekerja dan sekiranya pembekal mengambil peralatan tersebut ianya perlu digantikan dengan peralatan lain sebagai gantian bagi mengelakkan kerja-kerja tertangguh. Spesifikasi peralatan gantian perlulah setara dengan peralatan sedia ada.

Pembida dikehendaki menyediakan e-Borang Penyelenggaraan Pencegahan dan e-Borang Penyelenggaraan serta laporan e-Borang tersebut boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.

e-Borang Penyelenggaraan perlu digunakan pada setiap pembaikan, penyelenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya pada setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan serta perlu disahkan oleh wakil Jabatan Teknologi Maklumat.

Pembida hendaklah bertanggungjawab untuk menyediakan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan oleh pekerja-pekerjanya bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Komputer tersebut.

Pembida hendaklah menyediakan laporan penyelenggaraan ke atas setiap kerja-kerja penyelenggaraan yang diperlukan oleh pekerja-pekerjanya bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Komputer tersebut.

#### **4.3 Latihan**

Pembida perlu menyediakan latihan menyeluruh mengenai penggunaan Komputer Peribadi yang dibekalkan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Teknologi Maklumat, MPAG seperti yang ditawarkan.

#### **4.4 Katalog/ Risalah/ Brosur**

Pembida mestilah mengemukakan bersama-sama tawaran mereka katalog/ risalah model yang dicadangkan, tanpa sebarang tanda/ nama syarikat bagi tujuan penilaian. Katalog/ risalah yang lain daripada cadangan tidak diterima sama sekali. Tender yang tidak disertakan dengan katalog/ risalah akan menjejaskan penilaian tender.

#### **4.5 Tempoh Perkhidmatan Penyewaan**

Tempoh Perkhidmatan Sewaan 110 Unit Komputer Peribadi Cepak Tenaga Dan Mesra Alam Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Alor Gajah **Bagi Tempoh 3 Tahun** mulai tarikh penerimaan Komputer oleh Kerajaan.

#### **4.6 Hak Milik Sewaan Komputer Peribadi**

Komputer Peribadi yang disewa perlu diambil semula oleh pembida selepas tamat tempoh sewaan. *Hard disk* Komputer - komputer yang disewa hendaklah dipadamkan / dikosongkan oleh pembida dan disahkan oleh pegawai yang dilantik oleh MPAG selepas tamat tempoh sewaan.

#### **4.7 Surat Akuan Pembida**

Pembida hendaklah mengisi dengan lengkap Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran 6**.

## 5. PENYERAHAN DOKUMEN TENDER

- 5.1 Dokumen tender perlu disediakan dalam dua bentuk iaitu **Dokumen Tawaran Teknikal** dan **Dokumen Tawaran Kewangan**. Kedua-dua dokumen tersebut **MESTI** dimasukkan ke dalam **dua (2) sampul surat yang berasingan dan ditandakan** pada bahagian atas sebelah kiri sampul sebagai **“DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL”** atau **“DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN”** mengikut dokumen tawaran berkaitan serta dilakri.
- 5.2 Seterusnya kedua-dua sampul tersebut **PERLU DIMASUKKAN KE DALAM SATU (1) BUNGKUSAN / SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan **DITANDA PADA BAHAGIAN ATAS SEBELAH KIRI BUNGKUSAN/ SAMPUL SURAT ITU DENGAN PERKATAAN:**

**NO TENDER: MPAG/T/01/2024**

dan dialamatkan kepada:

**UNIT PEROLEHAN,  
Majlis Perbandaran Alor Gajah,  
Lebu AMJ 78000, Alor Gajah,  
Melaka**

## 6. SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN TEKNIKAL

- a) Pembida dikehendaki mengemukakan maklumat Cadangan Teknikal, contoh dokumen teknikal yang telah disediakan dan memuat naik dokumen teknikal yang lengkap ke dalam *'pen drive'* serta menyerahkan bersama dokumen tawaran tender sebelum dan waktu tutup pelawaan tender. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran ditolak.
- b) Maklumat yang perlu dilengkapkan oleh pembida ke dalam *'pen drive'* berlabel CADANGAN TEKNIKAL adalah seperti berikut :



BIL.	MAKLUMAT/ DOKUMEN	TINDAKAN PEMBIDA
1.	Jadual Spesifikasi bagi Komputer Peribadi yang dicadangkan	<i>Sediakan dan simpan di dalam 'pen drive'</i>
2.	Brosur/ Risalah/ Katalog/ Datasheet bagi model yang dicadangkan	Lampirkan
3.	Sijil pengesahan bahawa Komputer yang dicadangkan adalah bercirikan cekap dan jimat tenaga (Sijil MyHijau Mark serta Sijil Energy Star) - Teknikal Mandatori – <i>silalah rujuk <b>Lampiran A1</b></i>	<i>Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'</i>
4.	Dasar Ambil Semula ( <i>Buy-back Policy</i> ) untuk sisa bahan pembungkusan yang terpakai dan telah digunakan bagi tujuan guna semula atau kitar semula - <i>Sijil jika ada</i>	<i>Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'</i>
5.	Kriteria kandungan bahan cemar yang mematuhi pensijilan 'Electronic Product Environment Protection Agency' atau 'Electronic Stewardship (e-Stewards) yang dikeluarkan oleh 'Basel Action Network' - <i>Sijil jika ada</i>	<i>Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'</i>
6.	Contoh laporan penyelenggaraan	<i>Sediakan dan simpan di dalam 'pen drive'</i>
7.	Cadangan jadual penyelenggaraan berkala	<i>Sediakan dan simpan di dalam 'pen drive'</i>
8.	Skop Perkhidmatan (Memasang, menyelenggara dan menguji peralatan yang dinyatakan)	Sediakan dan simpan di dalam 'pen drive'

## 7. SENARAI SEMAK PEMATUHAN KEWANGAN

- a) Pembida dikehendaki mengemukakan maklumat Cadangan Kewangan, contoh dokumen kewangan yang telah disediakan dan dokumen kewangan yang lengkap ke dalam 'pen drive' berlabel CADANGAN KEWANGAN.

- b) Pembida hendaklah menyerahkan cadangan tersebut bersama dokumen tawaran tender sebelum atau semasa tarikh tutup tawaran.
- c) Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut:

BIL.	MAKLUMAT/ DOKUMEN	TINDAKAN PEMBIDA
1.	Harga Tawaran bagi: - Sewaan Komputer Peribadi Rujuk <b>Lampiran B1</b>	Sediakan dan simpan di dalam 'pen drive'
2.	Maklumat Pembekal	Sediakan dan simpan di dalam 'pen drive'
3.	Penyata Bank untuk 3 bulan yang mempunyai pengesahan dari Institusi Kewangan (Mei, Jun dan Julai 2024)	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'
4.	Aset Dan Liabiliti (Dari Kunci Kira-Kira)	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'
5.	Kemudahan Kredit (Overdraf, Pinjaman Bank)	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'
6.	Laporan Bank/Insituti Kewangan mengenai Kemudahan Kredit - <i>jika ada</i>	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'
7.	Laporan Bank/Insituti Kewangan mengenai Maklumat Simpanan (Deposit Tetap, Amanah Saham dan Tabung Haji) - <i>jika ada</i>	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'
8.	Modal Berbayar	Seperti dinyatakan di dalam Profil Syarikat. Sila sertakan sesalinan Profil Syarikat.
9.	<i>Letter of Authorization</i> daripada syarikat prinsipal	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'

BIL.	MAKLUMAT/ DOKUMEN	TINDAKAN PEMBIDA
10.	Pengalaman Syarikat dengan Kerajaan Persekutuan *Kemukakan <b>salinan muka depan Surat Setuju Terima</b> (SST) bagi setiap kontrak perkhidmatan sewaan komputer yang telah diikat dengan Kerajaan dalam tempoh lima (5) tahun terkini (2019-2024)	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'
11.	Pengalaman Syarikat dengan Syarikat Swasta *Kemukakan <b>salinan dokumen sokongan Work Order/ Letter of Award</b> bagi setiap kontrak perkhidmatan sewaan komputer yang telah ditandatangani dengan Syarikat Swasta dalam tempoh 5 tahun terkini (2019-2024)	Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'
12.	Surat Akuan Pembida - rujuk <b>LAMPIRAN 6</b>	Lengkapkan, Imbas dan simpan di dalam 'pen drive'

## 8. KAEDAH PENETAPAN PENILAIAN PEMARKAHAN

Cadangan tawaran yang dikemukakan oleh pembida akan dinilai berdasarkan elemen-elemen seperti berikut:

BIL.	PERKARA	WAJARAN (%)
1.	Penilaian Teknikal - Teknikal Mandatori (LULUS/GAGAL) - Teknikal Penganugerahan GGP (60%)	60
2.	Penilaian Kewangan	40
<b>MARKAH KESELURUHAN</b>		100

## 9. SURAT SETUJU TERIMA

- a) Pembida yang berjaya akan dimaklumkan melalui Surat Setuju Terima (SST). Pembida yang berjaya adalah terikat dengan tempoh dan Skop Perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam SST yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- b) Tempoh penyerahan semula SST yang telah ditandatangani oleh pembida adalah tidak melebihi empat belas (14) hari kalendar selepas penerimaan SST oleh pembida. Kegagalan pembida menyerah kembali SST yang telah ditandatangani dalam tempoh empat belas (14) hari boleh mengakibatkan pembatalan SST oleh Kerajaan. SST adalah seperti di **Lampiran 7**.
- c) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh SST tersebut dikeluarkan. Kegagalan menyerahkan kembali SST tersebut dan Bon Pelaksanaan dalam tempoh tersebut atau tempoh yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan akan menyebabkan tawaran tender tersebut **TERBATAL DENGAN SENDIRINYA**.

## 10. SALINAN PERJANJIAN KONTRAK

- a) SST adalah dianggap sebagai dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian antara Kerajaan dan pembida yang berjaya sehingga Dokumen Perjanjian rasmi dimeterai oleh kedua-dua pihak.

- b) Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen tender adalah merupakan sebahagian daripada perjanjian yang akan ditandatangani antara Kerajaan dan pembida yang berjaya. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan pihak Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian.
  
- c) Format perjanjian yang akan digunakan antara pihak Kerajaan dan pembida berjaya bagi tender ini adalah berdasarkan format perjanjian sebagaimana di **Lampiran 8** dokumen ini. Mana-mana pembida yang tidak bersetuju dengan mana-mana syarat dalam kontrak itu boleh membuat bantahan semasa membuat tawaran tender.

# LAMPIRAN

**CONTOH FORMAT BON PELAKSANAAN****BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/JAMINAN INSURANS  
UNTUK BON PELAKSANAAN  
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. .... yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan ....., (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi membekal/menyerah/melaksana/menyiap ....., (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM...) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendaknya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit..... (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM...) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakui janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga(kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak

dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM.....).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.
6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk ) .....  
 dan bagi pihak Penjamin di ) Nama: .....  
 hadapan ) Jawatan: .....  
 ) Cap Bank/Syarikat Kewangan/  
 Syarikat Insurans:

.....  
 (Saksi)

Nama : .....  
 Jawatan : .....  
 Cap Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans:



**LOKASI PENEMPATAN**

**PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TEMPOH 3 TAHUN.**

NO	JENIS MESIN	KUANTITI	JABATAN/UNIT
1	<i>Komputer Peribadi</i>	110 Unit	<ol style="list-style-type: none"><li>1. PEJABAT YANG DIPERTUA</li><li>2. PEJABAT SETIAUSAHA</li><li>3. JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN</li><li>4. JABATAN PERANCANG BANDAR</li><li>5. JABATAN PENILAIAN</li><li>6. JABATAN KEWANGAN</li><li>7. JABATAN KORPORAT DAN KHIDMAT MASYARAKAT</li><li>8. JABATAN KEJURUTERAAN</li><li>9. JABATAN BANGUNAN</li><li>10. JABATAN PELESENAN</li><li>11. JABATAN PENGINDAHAN BANDAR</li><li>12. JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</li><li>13. JABATAN KEBERSIHAN</li><li>14. JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN</li><li>15. JABATAN PENGUATKUASAAN</li><li>16. UNIT KUTIPAN TUNGGAKAN</li><li>17. UNIT AUDIT DALAMAN</li><li>18. UNIT UNDANG-UNDANG</li><li>19. UNIT PEROLEHAN</li><li>20. UNIT OSC</li></ol>

JADUAL SPESIFIKASI

**PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA  
DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
BAGI TEMPOH 3 TAHUN**

<i>Bil.</i>	<i>Spesifikasi</i>	<i>Kuantiti</i>	<i>Mengikut Spesifikasi (YA / TIDAK)</i>
<p><b>1.0</b></p>	<p><b>PERKHIDMATAN SEWAAN</b></p> <p>Membekal, memasang, menyelenggara dan menguji peralatan yang dinyatakan di bawah :</p>		
<p><b>1.1</b></p>	<p><b>Komputer Peribadi Spesifikasi (16GB)</b></p> <p><b>Jenama :</b> .....</p> <p><b>Model :</b> .....</p> <p><b>CPU and Chipset:</b> Intel Core 15-13-400 Processor Intel® B660 Chipset Intel® UHD Graphics 730</p> <p><b>Operating System:</b> Windows 11 Professional</p> <p><b>Memory:</b> 16GB (8GBx2) DDR4 3200MHz SODIMM</p> <p><b>Storage:</b> 512GB M.2 PCIE SSD</p> <p><b>Display Size (inches):</b> 23.8" Wide Full HD LED, 1920x1080 resolution, 16:9, 250 nit brightness</p> <p><b>Optical Media Drive:</b> DVD Writer Drive</p> <p><b>Audio:</b> Build-in Stereo Speakers</p> <p><b>Webcam:</b> 5.0MP+RGB Webcam</p> <p><b>Communication</b> 802.11ax Wi-Fi 6E, Gigabit Ethernet (PXE, WOL) &amp; Bluetooth 5.0</p> <p><b>Expansion slot(s)</b> Three M.2 Slot (Two for SSD, One for WLAN)</p>	<p align="center"><b>90</b></p>	

	<p><b>Ports</b>                  DisplayPort, HDMI-in port                  Two USB 3.2 Gen 1 Type A port, One USB 3.2 Gen 2x2 Type-C                  Two USB 3.2 Gen 2 ports Type A port, One USB 2.0 Type A port</p> <p><b>135 Watt Adapter</b></p> <p><b>Dimensions:</b>                  All in One. 540.6 (W) x 46.5 (D) x 326.26 (H) mm, 5.8kg(w/o stand)</p> <p><b>System compliance &amp; Certification</b>                  RoHS, DMI, GS, ENERGY STAR, PC2001, BSMI, CE, FCC, CB, EPEAT Silver</p> <p><b>Accessories:</b>                  USB Keyboard &amp; USB Optical Mouse</p> <p><b>Kensington Lock</b></p> <p><b>Number of years on-site warranty</b></p> <p><b>Commercial features</b>                  HDD Password Protection. One Button Recovery for OS. TPM 2.0                  One-Button Recovery for OS.                  ProShield TPM Drive, File &amp; Folder Encryption. File Shredder.                  30 days Anti Virus.</p>		
<p>1.2</p>	<p><b>Komputer Peribadi Spesifikasi (32GB)</b></p> <p><b>Jenama :</b> .....</p> <p><b>Model :</b> .....</p> <p><b>CPU and Chipset:</b>                  Intel Core 15-13-400 Processor                  Intel® B660 Chipset                  Intel® UHD Graphics 730</p> <p><b>Operating System:</b>                  Windows 11 Professional</p> <p><b>Memory:</b>                  32GB (16GBx2) DDR4 3200MHz SODIMM</p> <p><b>Storage:</b>                  512GB M.2 PCIE SSD</p> <p><b>Display Size (inches):</b>                  23.8" Wide Full HD LED, 1920x1080 resolution, 16:9, 250 nit brightness</p>	<p>20</p>	

<p><b>Optical Media Drive:</b> DVD Writer Drive</p> <p><b>Audio:</b> Build-in Stereo Speakers</p> <p><b>Webcam:</b> 5.0MP+RGB Webcam</p> <p><b>Communication</b> 802.11ax Wi-Fi 6E, Gigabit Ethernet (PXE, WOL) &amp; Bluetooth 5.0</p> <p><b>Expansion slot(s)</b> Three M.2 Slot (Two for SSD, One for WLAN)</p> <p><b>Ports</b> DisplayPort, HDMI-in port Two USB 3.2 Gen 1 Type A port, One USB 3.2 Gen 2x2 Type-C Two USB 3.2 Gen 2 ports Type A port, One USB 2.0 Type A port</p> <p><b>135 Watt Adapter</b></p> <p><b>Dimensions:</b> All in One. 540.6 (W) x 46.5 (D) x 326.26 (H) mm, 5.8kg(w/o stand)</p> <p><b>System compliance &amp; Certification</b> RoHS, DMI, GS, ENERGY STAR, PC2001, BSMI, CE, FCC, CB, EPEAT Silver</p> <p><b>Accessories:</b> USB Keyboard &amp; USB Optical Mouse</p> <p><b>Kensington Lock</b></p> <p><b>Number of years on-site warranty</b></p> <p><b>Commercial features</b> HDD Password Protection. One Button Recovery for OS. TPM 2.0 One-Button Recovery for OS. ProShield TPM Drive, File &amp; Folder Encryption. File Shredder. 30 days Anti Virus.</p>		
---	--	--

**JADUAL PELAKSANAAN**

**PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA  
DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
BAGI TEMPOH 3 TAHUN.**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TARIKH</b>
1.	Penjualan dokumen tender	19 Ogos 2024 (buka) sehingga 9 September 2024 (tutup)
2.	Penyerahan Surat Setuju Terima	1 Oktober 2024
3.	Persediaan pembekal menyediakan komputer (10 minggu)	10 Disember 2024
4.	Peralihan keluar mesin sedia ada oleh pembekal semasa	31 Disember 2024

**BORANG ADUAN BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN**

Pemberitahuan:

1. Hanya aduan berkaitan pengurusan perolehan Kerajaan sahaja diterima.
2. Aduan selain daripada perolehan Kerajaan akan dipulangkan atau dipanjangkan kepada agensi yang berkenaan. Aduan hanya akan diproses setelah semua maklumat yang lengkap diterima.
3. Maklumat pengadu adalah dirahsiakan. Aduan yang dibuat tidak akan menjejaskan peluang untuk mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan pada masa hadapan.

**A. MAKLUMAT PENGADU**

1	Nama Pengadu*	:	<input type="text"/>
2	Jawatan*	:	<input type="text"/>
3	Nombor Telefon Pejabat*	:	<input type="text"/>
4	Alamat Emel*	:	<input type="text"/>
5	Nama Syarikat *	:	<input type="text"/>
6	Alamat*	:	<input type="text"/>
7	Nombor Telefon Peribadi*	:	<input type="text"/>
8	No. Pendaftaran MOF/CIDB*	:	<input type="text"/>

**B. Maklumat Entiti Perolehan Yang Diadu**

1	Nama Kementerian/ Agensi*	:	<input type="text"/>
2	Bahagian/ Seksyen/ Unit*	:	<input type="text"/>
3	Nama Pegawai Yang Bertanggungjawab*	:	<input type="text"/>

**C. Maklumat Perolehan Yang Diadu**

1	Tajuk Perolehan*	:	
2	No. Rujukan Perolehan/ No. Tender*	:	
3	Tarikh Iklan*	:	
4	Kategori Perolehan*	:	<input type="checkbox"/> Bekalan <input type="checkbox"/> Perkhidmatan Bukan Perunding <input type="checkbox"/> Perkhidmatan Perunding <input type="checkbox"/> Kerja
5	Kaedah Perolehan *	:	<input type="checkbox"/> Tender terbuka <input type="checkbox"/> Rundingan Terus
6	Perkara yang Diadu*	:	

TIDAK BERKAITAN

(Nota: '\*' wajib diisi)

Pengesahan

Saya mengaku dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan ini adalah benar dan di dalam pengetahuan saya. Saya faham dan bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan dalam aduan ini adalah tidak benar dan tidak lengkap, maka aduan ini boleh dibatalkan dan tindakan sewajarnya boleh diambil terhadap saya.

.....  
Tandatangan

Nama:

Tarikh:

**SURAT AKUAN PEMBIDA****MPAG/T01/2024 - PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP  
TENAGA DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI  
TEMPOH 3 TAHUN.**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan.....  
yang mewakili ..... nombor Pendaftaran .....  
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang / tatatertib mengikut undang - undang / peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.



5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. KP : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \* termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

**CONTOH SURAT SETUJU TERIMA**

(Bagi Tender Perkhidmatan)

Rujukan Kami : .....

Tarikh : .....

\*PENGARAH URUSAN/ PENGURUS / PENERUSI

.....

.....

..... (No. Pen. Kew : )

..... (No. Pen. CJCP : )

Tuan, \*Sebut Harga/Tender Untuk :

No. \*Sebut Harga/Tender/Kontrak :

**TIDAK BERKAITAN**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran syarikat tuan dengan hargasebanyak Ringgit Malaysia .....(RM. ....) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama ..... tertakluk kepada dokumen yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan Lampiran A kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. \*Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen \*sebut harga/tender serta semua terma dalam Lampiran A. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

\*3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak .....% cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM. Perenggan 3 di atas adalah terpakai untuk perolehan dengan syarikat yang berdaftar di bawah JKDM dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

\*3. Harga kontrak adalah tidak termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak .....% cukai perkhidmatan memandangkan syarikat tuan tidak berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sekiranya syarikat tuan telah berdaftar dengan JKDM, tuan adalah dikehendaki untuk memaklumkan nombor pendaftaran dan tarikh kuat kuasanya kepada Kerajaan untuk pelarasan harga kontrak dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat kelulusan JKDM. Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

Perenggan 3 di atas adalah terpakai untuk perolehan dengan syarikat yang tidak berdaftar di bawah JKDM bagi Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

\*(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ (RM \_\_\_\_\_) Bon Pelaksanaan hanya dikenakan kepada perolehan yang bernilai RM200,000 dan ke atas sahaja.

\*(b) suatu polisi insurans yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ (RM \_\_\_\_\_) dan resit premium;

(c) Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja; dan

(d) Nombor Pendaftaran Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP).

seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A tidak melebihi \*14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan \*Denda/Liquidated & Ascertained Damages (LAD) seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A.

Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses \*sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- (g) syarikat tuan gagal \* menyempurnakan perkhidmatan/ membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen \*sebut harga/tender;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat tuan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

6. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 8, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

7. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di Lampiran B dan Lampiran C untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

8. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi

syarikat tuan tidak melebihi \*3/7/14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Tandatangan Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

.....  
<Nama Penuh Pegawai>

<Jawatan Pegawai>

**TIDAK BERKAITAN**

**BUTIRAN KONTRAK**

<Tajuk Tender>

.....  
**1. Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : .....

1.2 Tempoh Sah Laku : .....

**2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

2.1 No. Pendaftaran : .....

2.2 Tempoh Sah Laku : .....

2.3 Kod Bidang : .....

2.4 Taraf Syarikat : .....

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : .....

**3. Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar), sekiranya berkaitan**

3.1 No. Pendaftaran : .....

3.2 Tarikh Kuat Kuasa : .....

**4. Harga dan Tempoh Kontrak**

4.1 Harga Tender : RM.....

(Butiran harga seperti di **Lampiran A1**)

4.2 Peruntukan Cukai Perkhidmatan (sekiranya berkaitan) : RM <cukai Perkhidmatan dalam angka>.....

4.3 Fi Perkhidmatan ePerolehan (sekiranya berkaitan) : <0.4% / 0.8%> <Fi Perkhidmatan termasuk dalam harga tawaran...>

4.4 Harga Kontrak : RM <Harga Tender + Cukai Perkhidmatan>.....

4.5 Tempoh Kontrak : .....

4.6 Tarikh Mula Kontrak : .....

4.7 Tarikh Tamat Kontrak : .....

**5. Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan**

\*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di Lampiran A2

Lampiran A2 adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual perkhidmatan mengikut tawaran syarikat dan disediakan oleh Agensi

**6. Skop Perkhidmatan/Service Level Agreement (SLA) (sekiranya berkaitan)**

Skop Perkhidmatan/SLA yang ditetapkan seperti di Lampiran A3

TIDAK BERKAITAN

**7. \*Bon Pelaksanaan**

7.1 Kadar Bon Pelaksanaan : .....

7.2 Formula Bon Pelaksanaan :  $LOA \text{ Amount/duration (in year)} = x$ . here  $x$  is being checked against the rate either 2.5% or 5%, if  $X \geq RM 500,000$ , the rate being used is 5%

7.3 Nilai Bon Pelaksanaan : <Dalam angka>.....

7.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takafu

7.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian.

Mengikut format yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti di **Lampiran A4**

Lampiran A4 akan disediakan oleh Agensi berdasarkan format PP/PK4

**8. No Kod Majikan PERKESO/No. Pendaftaran KWSP/\*Polisi Insurans (jika berkaitan)**

8.1 No. Kod Majikan PERKESO : .....

8.2 No. Pendaftaran KWSP : .....

\*8.3 Nilai Polisi : RM .....

\*8.4 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak

**9. Kenaan \*Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) (Lewat/Gagal bekal barang atau tidak menepati spesifikasi)**

9.1 Formula : < Formula ditentukan sendiri oleh Agensi. Tetapi hendaklah dinyatakan secara *upfront* kepada syarikat dalam dokumen pelawaan>.....

9.2 Kadar Sehari :RM <Nilai dalam angka>.....

*\*potong mana yang tidak berkenaan*

TIDAK BERKAITAN

**Salinan Kepada :**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Menara Hasil  
Aras 18, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8  
**63000 CYBERJAYA**  
(u.p.: Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai)

Ketua Pengarah Kastam  
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)  
Aras 3 -7, Blok A, Menara Tulus  
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3  
**61200 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Pengarah Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST))

Sekretariat  
Majlis Perundingan Gaji Negara  
Kementerian Sumber Manusia  
Aras 7, Blok D3, Kompleks D  
**62530 PUTRAJAYA**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
Jabatan Penguatkuasaan  
Tingkat 13, Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut  
**50350 KUALA LUMPUR**  
(u.p.: Ketua Unit Forensik Majikan dan Hubungan Luar, Seksyen Operasi)

**TIDAK BERKAITAN**

## SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

## MPAG/T01/2024 - PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TEMPOH 3 TAHUN.

Saya, ..... nombor Kad Pengenalan .....  
yang mewakili ..... nombor Pendaftaran .....  
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada manamana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi\* atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

3.1 Didakwa bagi kesalahan\*\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.



5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tanda tangan : .....

Nama : .....

No. KP : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

TIDAK BERKAITAN

Catatan:

- (i) \*\*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) \*\*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- i) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan

**SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT**

Saya..... nombor kad pengenalan ..... yang mewakili syarikat..... nombor pendaftaran..... (\*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat TIDAK membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat TIDAK membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat TIDAK terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses \*sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah TIDAK disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (e) syarikat TIDAK digulungkan; dan

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan )  
sebenar-benarnya diakui oleh )  
..... ) Tandatangan.....  
..... )  
di..... )  
pada ..... )

Di hadapan saya,

.....  
Pesuruhjaya Sumpah

**Catatan:**

- i. \*Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

**DRAF SALINAN PERJANJIAN KONTRAK**

**PERJANJIAN INI** dibuat pada \_\_\_\_\_ hari bulan \_\_\_\_\_ (tahun) \_\_\_\_\_ (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Perjanjian ini")

**ANTARA**

**KERAJAAN MALAYSIA** yang bagi maksud Perjanjian ini diwakili oleh \_\_\_\_\_ **Majlis Perbandaran Alor Gajah** yang beralamat di \_\_\_\_\_ (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") sebagai satu pihak;

**TIDAK BERKAITAN**

**DENGAN**

\_\_\_\_\_ (**No. Pendaftaran Syarikat: \_\_\_\_\_**), mempunyai alamat berdaftar di \_\_\_\_\_ (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Pembekal") sebagai pihak yang satu lagi.

Kerajaan dan Kontraktor kemudian daripada ini boleh dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak" atau secara kolektif sebagai "Pihak-Pihak".

**BAHAWASANYA**

- A. Kerajaan, melalui Surat Setuju Terima (**No. Rujukan: \_\_\_\_\_**) bertarikh \_\_\_\_\_ telah bersetuju menerima tawaran Kontraktor untuk mendapatkan Perkhidmatan Sewaan Bagi 80 Unit Komputer Peribadi Dan 40 Unit Komputer Riba Cepak Tenaga Dan Mesra Alam Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tempoh 3 tahun (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Perkhidmatan"); dan
- B. kedua-dua pihak bersetuju untuk memasuki Perjanjian ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK seperti yang berikut:

## 1. TAKRIFAN, TAFSIRAN DAN KESELURUHAN PERJANJIAN

### 1.1 Takrifan

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud seperti yang berikut:

"**Perkhidmatan**" ertinya Perkhidmatan Sewaan Bagi 80 Unit Komputer Peribadi Dan 40 Unit Komputer Riba Cepak Tenaga Dan Mesra Alam Untuk Pejabat Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tempoh 3 sebagaimana yang dinyatakan dan dipersetujui dalam Surat Setuju Terima di **Lampiran** dan dalam Perjanjian ini mengikut Skop Perkhidmatan yang dinyatakan dalam **Klausu 2**;

"**Peralatan**" ertinya peralatan sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran** dan termasuklah spesifikasi, jenis, jenama, model, peralatan, item, aksesori atau apa-apa bahagian daripada Peralatan;

"**Premis**" ertinya tempat di mana Peralatan dihantar, dibekal, dipasang, diuji atau ditauliah, mengikut mana yang berkaitan seperti dalam **Lampiran 2**; dan

"**Waktu Biasa Pejabat**" ertinya waktu pejabat Kerajaan iaitu hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang tidak termasuk hari kelepasan am dan cuti umum.

### 1.2 Tafsiran

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, tafsiran dalam Perjanjian ini adalah seperti yang berikut: -

- (a) apa-apa jadual, lampiran, apendiks, dokumen, nota atau penerangan yang dirujuk dalam Perjanjian ini dan apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi bertulis padanya hendaklah ditafsirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (b) rujukan kepada, klausa atau fasal hendaklah bermaksud rujukan kepada klausa-klausa atau fasal-fasal dalam Perjanjian ini;
- (c) semua rujukan terhadap peruntukan-peruntukan dalam apa-apa Akta, Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah, Enakmen, Ordinan, Undang-Undang, Undang-Undang Kecil, Perintah, Arahan Keselamatan Kerajaan, Arahan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan, Arahan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan-Arahan lain Kerajaan hendaklah termasuk peruntukan yang dipinda, dipotong, digantikan, diubah, dicetak semula atau digubal semula;

- (d) pernyataan "Perjanjian", "Kontrak" atau pernyataan lain yang sama hendaklah mengandungi klausa yang terkandung dalam Perjanjian ini dan termasuklah apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi dan perjanjian tambahan secara bertulis;
- (e) perkataan "termasuk" hendaklah memberikan makna atau tafsiran apa-apa perkataan lain berkenaan dengan Perjanjian ini atau Perkhidmatan selain daripada perkataan-perkataan yang dinyatakan selepas perkataan itu dan perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu adalah antara atau sebahagian daripada contoh-contoh mengikut mana yang berkenaan;
- (f) perkataan "undang-undang" ertinya mana-mana undang-undang bertulis semasa, akan datang dan apa-apa Perlembagaan, Dekri, Penghakiman atau Perundangan, Peraturan-Peraturan, Perintah, Kaedah-Kaedah, Ordinan, Undang-Undang Kecil atau Arahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- (g) semua rujukan terhadap hari, bulan atau tahun hendaklah termasuk hari dan waktu bekerja biasa Kerajaan, hari Jumaat dan Sabtu serta hari kelepasan am Negeri-Negeri yang berkenaan melainkan dinyatakan sebaliknya atau sebagaimana yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan;
- (h) perkataan "secara bertulis" ertinya suatu arahan suratan dalam bentuk bertulis yang diberikan, dikemukakan atau diserahkan secara rasmi antara Pihak-Pihak;
- (i) tajuk kepada mana-mana klausa dalam Perjanjian ini adalah sebagai rujukan dan kemudahan sahaja dan tidak memberikan apa-apa kesan kepada tafsiran dan pengertian klausa tersebut; dan
- (j) apa-apa istilah teknikal yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut penggunaan atau takrif yang biasa digunakan dalam industri atau profesion yang berkenaan.

### 1.3 Keseluruhan Perjanjian

- 1.3.1 Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan dan persefahaman antara Pihak-Pihak berkenaan dengan Perkhidmatan dan mengatasi persetujuan, surat rundingan, persefahaman, terma-terma dan syarat-syarat terdahulu sebelum Perjanjian ini berkuat kuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau sama ada secara lisan atau bertulis, antara Pihak-Pihak terhadap atau berkaitan dengan Perkhidmatan atau perkara-perkara yang melibatkan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini.
- 1.3.2 Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini dengan Surat Setuju Terima dalam **Lampiran 7**, terma-

terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini hendaklah mengatasi setakat mana percanggahan itu.

## 2. SKOP PERKHIDMATAN

Kontraktor hendaklah melaksanakan Perkhidmatan mengikut Skop Perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam **Lampiran** dan mengikut Spesifikasi Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran** \_\_\_ serta arahan Kerajaan secara bertulis dari semasa ke semasa, mengenai Perkhidmatan mulai Tarikh Berkuat Kuasa yang dinyatakan dalam Klausa 3 atau pada apa-apa tarikh lain yang dimaklumkan secara bertulis oleh Kerajaan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini.

## 3. TEMPOH PERJANJIAN

- 3.1 Perjanjian ini adalah bagi tempoh **3 tahun** sepertimana yang dinyatakan dalam **butiran\_Jadual** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Tempoh Perjanjian") dan **hendaklah disifatkan telah** berkuat kuasa dari \_\_\_\_\_ sepertimana yang dinyatakan dalam **butiran\_Jadual** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Tarikh Berkuat kuasa") hingga \_\_\_\_\_ sepertimana yang dinyatakan dalam **butiran\_Jadual** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Tarikh Tamat") melainkan dilanjutkan atau ditamatkan lebih awal menurut peruntukan Perjanjian ini.
- 3.2 Kontraktor boleh memohon kepada Kerajaan untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian secara bertulis tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian, jika Kontraktor berniat untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian. Kerajaan mempunyai kuasa mutlak sama ada hendak mempertimbangkan permohonan itu atausebaliknya. Sekiranya Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, Pihak-Pihak boleh berunding mengenai terma dan syarat perlanjutan Tempoh Perjanjian tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian.
- 3.3 Sekiranya Pihak-Pihak gagal mencapai persetujuan mengenai perlanjutan itu, Perjanjian ini akan dengan sendirinya tamat pada Tarikh Tamat Perjanjian.

## 4. ANGGARAN NILAI PERJANJIAN

- 4.1 Tertakluk kepada Kerajaan berpuas hati bahawa Kontraktor telah melaksanakan Perkhidmatan mengikut terma dan syarat Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah sebagai balasan bagi Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kontraktor membayar wang \_\_\_\_\_ berjumlah **Ringgit** **Malaysia** **(RMXXXXXX.XX)**

sahaja (“Anggaran Nilai Perjanjian”) melalui bayaran sewaan secara bulanan dalam Tempoh Perjanjian sebanyak Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ (RMXXXXX.XX), Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ (RMXXX.XX) dan Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_ (RMXXX.XX) sahaja sebulan (“Sewa Bulanan”) dan Bayaran Tambahan bagi caj kos cetakan yang perlu dibayar oleh Kerajaan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Klausa 4.2 dan 4.3. Tertakluk kepada Kontraktor memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah sebagai balasan kepada Perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kontraktor, pada setiap bulan dalam Tempoh Perjanjian membuat pembayaran kepada Kontraktor mengikut **Klausa 16**.

- 4.2 Pengiraan kepada Anggaran Nilai Perjanjian adalah berdasarkan Jadual Harga yang dinyatakan dalam **Lampiran \_\_\_\_\_** dan **Jadual \_\_\_\_\_** Perjanjian ini. Caj kos cetakan berdasarkan bacaan meter adalah pada kadar \_\_\_\_\_ (RM0.XX) bagi sesalinan cetakan hitam/putih dan pada kadar berwarna sebanyak \_\_\_\_\_ (RM0.XX) bagi sesalinan cetakan berwarna (selepas ini dirujuk sebagai “Bayaran Tambahan”).
- 4.3 Caj sesalinan Bayaran Tambahan tidak akan dikenakan bagi salinan-salinan yang rosak berpunca daripada kerosakan Peralatan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya.
- 4.4 Anggaran Nilai Perjanjian yang dinyatakan dalam Klausa 4.1 dan Bayaran Tambahan yang dinyatakan dalam Klausa 4.2 adalah tetap dan apa-apa kenaikan oleh Kontraktor tidak dibenarkan melainkan jika Kontraktor mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.
- 4.5 Anggaran Nilai Perjanjian adalah merupakan suatu anggaran nilai Perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor kepada Kerajaan dan Kerajaan tidak berobligasi untuk menggunakan sepenuhnya Anggaran Nilai Perjanjian tersebut.
- 4.6 Tiada sebarang kenaikan kepada Anggaran Nilai Perjanjian yang dinyatakan di **Klausa 4.1** boleh dibuat melainkan sekiranya dipersetujui oleh Kerajaan.

## 5. DESKRIPSI PERALATAN

Kontraktor hendaklah membekalkan kepada Kerajaan Peralatan seperti mana dalam **Lampiran \_\_\_\_\_**, dan memastikan bahawa Peralatan yang dibekalkan adalah daripada pengeluaran terbaru, belum pernah dipakai atau digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu dan berada dalam keadaan baik, tulen dan bebas daripada apa-apa kecacatan serta kerosakan kecuali dinyatakan sebaliknya oleh Kerajaan secara bertulis.

## 6. CONTOH PERALATAN

- 6.1 Kontraktor hendaklah apabila diminta oleh Kerajaan, memberikan contoh bagi Peralatan yang akan dibekalkan tanpa mengenakan sebarang kos tambahan atau tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan pemberian contoh tersebut.
- 6.2 Selepas diuji, diperiksa atau dicerakin, contoh bagi Peralatan boleh disimpan, diguna atau dilupuskan oleh Kerajaan.
- 6.3 Selain itu, Kontraktor juga hendaklah membenarkan Kerajaan untuk bebas masuk bagi tujuan pemeriksaan atau pengauditan dalam waktu-waktu bekerja biasa ke premis atau apa-apa tempat di mana Peralatan itu sedang dikilang, dipasang, diuji atau disimpan, mengikut mana yang berkenaan.

## 7. PEMBUNGKUSAN DAN PERLINDUNGAN

- 7.1 Kontraktor hendaklah, dengan kosnya sendiri, memastikan Peralatan dibungkus atau dilindungi mengikut keperluan bagi mengelak kerosakan atau kemalangan yang mungkin berlaku semasa ia diangkut ke Premis. Pembungkusan atau perlindungan tersebut hendaklah tahan kepada cara pengendalian yang kasar, perubahan cuaca yang ketara, garam dan mendapan semasa perjalanan dan penyimpanan secara terbuka. Bentuk, cara, saiz dan berat bungkusan atau perlindungan bagi Peralatan yang perlu dihantar ke Premis yang tidak mempunyai sistem perhubungan yang sesuai atau baik hendaklah diambil kira.
- 7.2 Semua alat pembungkusan atau perlindungan yang disediakan oleh Kontraktor tidak akan dikembalikan.
- 7.3 Arahan lain, jika ada, berkaitan dengan pembungkusan atau perlindungan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan dan Kontraktor hendaklah sentiasa mematuhi arahan tersebut.

## 8. TEMPOH PENGHANTARAN DAN PENYERAHAN PERALATAN

- 8.1 Peralatan hendaklah diserahkan kepada Kerajaan mengikut tempoh yang dinyatakan dalam **Jadual** pada Waktu Biasa Pejabat ke Premis dalam **Lampiran** . Kontraktor juga hendaklah memasang Peralatan tersebut sehingga dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik serta menepati spesifikasi Peralatan seperti di **Lampiran\_Perjanjian** ini.



- 8.2 Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan **dua (2) hari** sebelum Peralatan tersebut dihantar ke Premis bagi tujuan menyediakan tempat pemasangan.
- 8.3 Jika berlaku kelewatan dalam menyediakan Premis, Kerajaan hendaklah memberitahu Kontraktor terlebih dahulu agar tarikh dan masa penghantaran tersebut dapat diubah kepada masa yang lebih sesuai.
- 8.4 Kerajaan hendaklah memaklumkan kepada Kontraktor jika berlaku sebarang perubahan Premis Peralatan. Kontraktor hendaklah menanggung segala kos penghantaran dan pemasangan Peralatan termasuk apa-apa kerosakan atau kecacatan sekiranya berlaku di tempat di mana Peralatan ditempatkan.
- 8.5 Bagi memastikan Peralatan berada dalam keadaan boleh digunakan dan dapat berfungsi dengan baik, Kontraktor hendaklah menjalankan ujian mutu ke atas Perjanjian tersebut di hadapan pegawai atau kakitangan Kerajaan yang diberi kuasa sewajarnya sebelum Peralatan disewakan kepada Kerajaan sebagaimana Klausula 9 Perjanjian ini.
- 8.6 Sekiranya Peralatan gagal berfungsi dengan baik, Kontraktor hendaklah menggantikan Peralatan tersebut dengan mesin pinalin yang baharu menurut spesifikasi sebagaimana yang diperincikan dalam **Lampiran** Perjanjian ini. Sekiranya Kerajaan berpuas hati dengan ujian mutu yang dijalankan ke atas Peralatan, Kerajaan boleh mengeluarkan pengakuan penerimaan secara bertulis kepada Kontraktor.

## 9. PEMASANGAN DAN PENGUJIAN

- 9.1 Bagi Peralatan yang perlu dipasang dan diuji, maka kerja-kerja pemasangan dan pengujian hendaklah dibuat dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan secara bertulis sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan.
- 9.2 Kontraktor hendaklah memasang dan menguji Peralatan tersebut dalam tempoh **xxxx hari** dari tarikh Peralatan tersebut dihantar ke Premis.

## 10. PENERIMAAN PERALATAN

- 10.1 Walaupun setelah menerima Peralatan daripada Kontraktor, Kerajaan sentiasa berhak menolak Peralatan jika Peralatan tidak menepati spesifikasi atau syarat-syarat yang ditentukan dalam Perjanjian ini.

- 10.2 Jika dalam Tempoh Perjanjian, Peralatan didapati rosak atau tidak dapat digunakan untuk tujuan Peralatan disewa dan kerosakan tersebut bukan berpunca daripada kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya, Kontraktor hendaklah menyelenggara dan membaiki Peralatan itu tanpa sebarang kos kepada Kerajaan mengikut **Klausu 11**.
- 10.3 Jika dalam Tempoh Perjanjian, Peralatan yang dihantar dan dipasang didapati tidak memuaskan Kerajaan, rosak atau tidak menepati syarat-syarat dalam Perjanjian ini dan Kerajaan tidak dapat menggunakan Peralatan untuk tujuan Perkhidmatan dan Kontraktor tidak mengambil tindakan dalam tempoh masa **hari Waktu Biasa Pejabat** atau tidak mampu untuk membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh \_\_\_\_\_ hari Waktu Biasa Pejabat dari tarikh pemberitahuan, Kerajaan berhak-
- (a) menolak Peralatan tersebut dan Kontraktor dikehendaki menggantikannya dengan mesin penyalin yang baharu yang sama kapasitinya tanpa apa-apa bayaran tambahan kepada Kerajaan; atau
- (b) menamatkan Perjanjian ini di bawah **Klausu 27.1**.
- 10.4 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Kontraktor bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis Kerajaan terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan ke suatu tempat yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja penyelenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Kontraktor hendaklah memastikan mesin penyalin alternatif yang sama kapasitinya dengan Peralatan yang dibekalkan kepada Kerajaan sebagai gantian sementara kerja pembaikan tersebut dijalankan oleh Kontraktor tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan.
- 10.5 Jika Kontraktor didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Peralatan tersebut dalam masa \_\_\_\_\_ hari dari tarikh Peralatan tersebut dialihkan, maka Kontraktor hendaklah menggantikannya dengan mesin penyalin yang baharu tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan.

## 11. KHIDMAT PENYELENGGARAAN

- 11.1 Kontraktor hendaklah memastikan Khidmat Penyelenggaraan dilaksanakan pada Waktu Bekerja sekurang-kurangnya sekali setiap bulan sepanjang Tempoh Perjanjian tanpa apa-apa caj tambahan kepada Kerajaan. Khidmat Penyelenggaraan Peralatan hendaklah merangkumi kerja-kerja berikut:

- (a) penyelenggaraan, penggantian, pembaikan, pembaharuan atau penambahan apa-apa bahagian atau alat ganti yang rosak agar Peralatan tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati Kerajaan; dan
- (b) pembekalan peralatan guna habis seperti *toner*, *drum* dan dawai kokot untuk Peralatan kecuali kertas sepanjang Tempoh Perjanjian ini, sebagaimana yang diperincikan di **Lampiran\_**Perjanjian ini.
- 11.2 Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan atau kegagalan Peralatan untuk berfungsi, Kerajaan hendaklah melaporkan mengenai kerosakan atau kegagalan tersebut kepada Kontraktor dan Kontraktor hendaklah mengambil tindakan mengikut tempoh masa yang dinyatakan di **Lampiran\_**.
- 11.3 Kontraktor hendaklah menyediakan laporan penyelenggaraan ke atas setiap Khidmat Penyelenggaraan yang dilakukan untuk tujuan rekod dan setiap laporan penyelenggaraan tersebut hendaklah diperakukan oleh Kerajaan.
- 11.4 Kerajaan hendaklah melantik dua (2) orang kakitangannya untuk menguruskan operasi Peralatan tersebut dan mereka hendaklah dilatih oleh Kontraktor berkenaan cara penggunaan dan operasi Peralatan tersebut dengan baik dan berkesan.

## 1. HAK KERAJAAN APABILA PERALATAN ROSAK ATAU RENDAH KUALITI

- 1.1 Sekiranya didapati Kontraktor telah menyerahkan Peralatan yang rosak atau rendah kualiti daripada contoh, kualiti, spesifikasi atau terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh sama ada—
- (a) menolak Peralatan itu dan menamatkan Perjanjian ini; atau
- (b) menolak Peralatan itu dan menghendaki Kontraktor menggantikan Peralatan itu dalam tempoh \_\_\_\_\_hari dari tarikh penolakan itu. Jika Peralatan gantian itu tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan, maka Kerajaan boleh mendapatkan Peralatan yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain. Sekiranya kos memperolehi Peralatan itu daripada punca-punca lain melebihi harga seperti dalam **Lampiran\_**, Kontraktor hendaklah membayar kos yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan.
- 1.2 Sebagai tambahan kepada **Klausu 12.1(b)**, Kerajaan boleh mengenakan denda dengan jumlah **xxxx** daripada nilai sewaan Peralatan sebulan yang dipesan dan bilangan hari yang lewat sebagaimana formula yang diperuntukkan dalam **Klausu 14** di bawah.

- 1.3 Jika Kontraktor telah menyerahkan Peralatan yang rosak, atau yang rendah kualitinya kepada Kerajaan dan Kerajaan tidak mungkin menolak Peralatan itu oleh sebab Peralatan itu telah dipakai atau digunakan sebelum diketahui rosak atau rendah kualitinya, atau oleh sebab Kerajaan telah terpaksa kerana keadaan menerima Peralatan itu, maka Kerajaan berhak mengenakan denda **yang sama nilai dengan nilai Peralatan** yang dipesan itu.

## 2. HAK KERAJAAN APABILA PERALATAN TIDAK DISERAHKAN

Bagi hal Peralatan yang tidak diserahkan oleh Kontraktor dalam Tempoh Perjanjian, Kerajaan berhak menamatkan Perjanjian ini mengikut **Klausu 27.1**.

## 3. HAK KERAJAAN APABILA PERALATAN LEWAT DISERAHKAN, DIPASANG ATAU DIUJI

- 3.1 Bagi hal Peralatan yang lewat diserahkan, dipasang atau diuji oleh Kontraktor, mengikut mana yang berkenaan, Kerajaan boleh melaksanakan tindakan seperti yang berikut:

- (a) menolak Peralatan itu dan menamatkan Perjanjian ini; atau
- (b) mendapatkan Peralatan yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain. Sekiranya kos memperolehi Peralatan itu daripada punca-punca lain melebihi harga seperti dalam **Lampiran\_\_**, Kontraktor hendaklah membayar kos yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan; atau
- (c) kadar kenaan denda LAD untuk Peralatan itu bagi keseluruhan perolehan yang gagal disempurnakan seperti formula yang berikut:

$$\text{Denda} = (\text{BLR} + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak}/365) \times (\text{Bilangan Hari Lewat})$$

- (d) kadar kenaan denda Peralatan itu bagi sebahagian perolehan yang gagal disempurnakan seperti formula yang berikut:

$$\text{Perkhidmatan A} \times \text{B} \times \text{C} \times 1\%$$

Di mana:

A: Nilai Sewaan

B: Bilangan Hari Lewat

C: Bilangan Peralatan

- 3.2 Bagi maksud **Klausula 14.1**, Kerajaan boleh memotong atau merampas apa-apa bayaran yang kena dibayar kepada Kontraktor dalam Perjanjian ini tanpa menjejaskan apa-apa hak lain Kerajaan dalam Perjanjian ini.

#### 4. HAK KERAJAAN APABILA PERALATAN TIDAK DISERAHKAN SEPENUHNYA

Bagi hal Peralatan yang tidak diserahkan sepenuhnya oleh Kontraktor dalam tempoh yang dinyatakan dalam **Jadual D**, Kerajaan boleh mengenakan tindakan mengikut **Klausula 14** tanpa menyentuh hak-hak lain yang ada pada Kerajaan di bawah Perjanjian ini dan di bawah undang-undang lain yang berkenaan yang berkuat kuasa.

#### 5. PEMBAYARAN

- 5.1 Tertakluk kepada Kontraktor telah menyempurnakan Perkhidmatan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini serta sebarang pemotongan yang berhak dibuat oleh Kerajaan menurut Perjanjian ini, Kerajaan akan membuat pembayaran bagi pelaksanaan Perkhidmatan dalam Ringgit (RM) sahaja kepada Kontraktor **menerusi akaun bank Kontraktor** yang dinyatakan dalam **Jadual E** Perjanjian ini.
- 5.2 Bagi tujuan bayaran Sewa Bulanan dan Bayaran Tambahan, Kontraktor hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
- (a) satu (1) salinan invois yang lengkap, teratur dan diterima oleh Kerajaan;
  - (b) laporan penyelenggaraan Peralatan dan rekod mengenai jumlah cetakan bagi setiap salinan yang diminta oleh Kerajaan;
  - (c) bayaran yang dituntut oleh Kontraktor berasaskan kepada kiraan dari bulan ke bulan Perkhidmatan;
  - (d) Perkhidmatan yang diakui baik pada keseluruhannya oleh Kerajaan; dan
  - (e) apa-apa dokumen yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 5.3 Kenaan bayaran fi perkhidmatan sebanyak kosong perpuhuan empat peratus (0.4%) dikenakan daripada Anggaran Nilai Perjanjian jika bayaran diproses menggunakan sistem e-Perolehan dan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor melalui pemotongan, tolakan (*set-off*) atau pengurangan kepada Anggaran Nilai Perjanjian.

- 5.4 Pembayaran akan dibuat oleh Kerajaan kepada Kontraktor dalam tempoh \_\_\_\_\_ **hari** dari tarikh penerimaan lengkap dokumen yang dinyatakan dalam Klausula 16.2.
- 5.5 Caj sesalinan Bayaran Tambahan tidak akan dikenakan bagi salinan-salinan yang rosak berpunca daripada kerosakan Peralatan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Kerajaan atau kakitangannya. Kontraktor hendaklah merekodkan jumlah salinan yang rosak ke dalam buku log Khidmat Penyelenggaraan dan membuat tolakan kepada Bayaran Tambahan.
- 5.6 Pembayaran penuh hanya akan dibuat sekiranya Peralatan telah diuji dan dipasang dengan memuaskan dan Perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor diperakui baik pada keseluruhannya oleh Kerajaan.
- 5.7 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga berhubung dengan Peralatan, Khidmat Penyelenggaraan, Sewa Bulanan dan Bayaran Tambahan dalam Perjanjian ini adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.
- 5.8 Nilai Sewa Bulanan dan Bayaran Tambahan yang dinyatakan dalam **Klausula 4, Lampiran B** dan **Jadual C** adalah tetap dan apa-apa permohonan untuk tujuan kenaikan harga oleh pihak Kontraktor tidak dibenarkan melainkan dengan persetujuan bertulis pihak Kerajaan.
- 5.9 Pembayaran kepada Kontraktor tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa Perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini. Apa-apa pembayaran oleh Kerajaan tidak melepaskan Kontraktor daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini.

## 6. WARANTI

- 6.1 Tempoh waranti bagi Peralatan yang dibekalkan adalah bagi tempoh \_\_\_\_\_ **bulan** dan bermula dari tarikh diaku terima oleh Kerajaan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Tempoh Waranti") sebagaimana dalam **Jadual F**.
- 6.2 Sekiranya dalam Tempoh Waranti Kerajaan mendapati bahawa prestasi Peralatan tidak berfungsi dengan memuaskan atau rosak yang bukan disebabkan oleh kecuaiian Kerajaan, Kontraktor hendaklah membaiki dan jika perlu, menggantikan Peralatan yang tidak berfungsi dengan memuaskan atau rosak dalam Tempoh Waranti tersebut tanpa apa-apa bayaran tambahan.
- 6.3 Laporan-laporan mengenai prestasi yang tidak memuaskan atau kerosakan Peralatan termasuk kerja-kerja pembaikan dan penggantian hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam **dua (2) salinan** dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.

- 6.4 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki atau menggantikan Peralatan yang tidak berfungsi dengan memuaskan atau rosak, maka Kerajaan boleh sama ada—
- (a) mendapatkan mana-mana orang yang berkelayakan bagi membaiki atau menggantikan Peralatan itu dan semua kos yang kena dibayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor; atau
  - (b) memulangkan Peralatan dan Kontraktor hendaklah membayar denda dan pampasan dan kos yang terlibat dengan pemulangan tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 6.5 Walau apa pun dalam Klausula 17 ini, sekiranya Kontraktor gagal membaiki atau menggantikan Peralatan tersebut yang pada pandangan Kerajaan, tidak berfungsi dengan memuaskan, Kerajaan mempunyai hak untuk mendapatkan mana-mana orang yang berkelayakan untuk membaiki atau menggantikan Peralatan itu dan semua kos yang kena dibayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

## **7. PENYELENGGARAAN DALAM TEMPOH WARANTI**

Kontraktor hendaklah memberikan penyelenggaraan Peralatan secara percuma dalam Tempoh Waranti.

## **8. TANGGUNG RUGI**

- 8.1 Kontraktor hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap segala bayaran tuntutan, belanja, ganti rosak, tanggungan, kerugian, prosiding atau perbicaraan yang ditanggung oleh atau dikenakan ke atas Kerajaan sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada pelanggaran Perjanjian ini oleh Kontraktor. Jika bilangan Kontraktor itu dua atau lebih daripada dua orang, maka tanggungan bagi mereka itu di bawah ini hendaklah disifatkan sebagai bersesama dan berasingan.
- 8.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tanggungan, tuntutan atau prosiding mengenai kecederaan diri atau kematian mana-mana orang dan kerosakan terhadap apa-apa harta dalam apa-apa bentuk sekali pun yang dipunyai oleh Kerajaan atau sesiapa pun, mengikut mana yang berkenaan, jika kecederaan, kematian atau kerosakan itu disebabkan oleh kecuaiian, perbuatan, ketinggalan atau keingkaran oleh Kontraktor, ejen atau pekerjanya yang berbangkit daripada atau berlaku semasa Kontraktor menjalankan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini.

- 8.3 Kontraktor hendaklah menanggung rugi dan melindungi Kerajaan, ejen pengkhidmat, kakitangan dan pegawai Kerajaan atas kos dan perbelanjaan Kontraktor daripada dan terhadap semua tindakan, tuntutan dan liabiliti yang berbangkit daripada pelakuan yang dibuat oleh Kontraktor dalam pelaksanaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini.
- 8.4 Kontraktor hendaklah melaksanakan semua tanggungjawab dan obligasinya di bawah Perjanjian ini atas risikonya sendiri dan hendaklah melepaskan Kerajaan ejen pengkhidmat, kakitangan dan pegawai Kerajaan daripada sebarang tuntutan dan permintaan akibat daripada apa-apa kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian yang timbul daripada pelaksanaan Perkhidmatan dan Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung terhadap kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian tersebut.

## **9. IKLAN**

Tiada iklan mengenai Perjanjian ini boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang lain melainkan jika pengiklanan itu dipersetujui dan diluluskan oleh Kerajaan secara bertulis.

## **10. KONTRAK KECIL**

- 10.1 Kontraktor tidak boleh memberikan kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagian Perjanjian ini kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.
- 10.2 Sekiranya Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberikan kontrak kecil kepada mana-mana pihak lain (kemudian daripada ini dirujuk sebagai 'Kontraktor Kecil') dengan persetujuan bertulis Kerajaan, Kontraktor bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiribagi memastikan Kontraktor Kecil mematuhi terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.
- 10.3 Kontraktor tidak boleh mempertanggungkan kepada pihak ketiga apa-apa jua daripada wang kena dibayar oleh Kerajaan di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat daripada atau mungkin terbit daripada Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Kerajaan.
- 10.4 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dan Kontraktor Kecil mengenai Perjanjian ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.



## 11. SERAH HAK

Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak Perjanjian ini atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa juga daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dengan atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan.

## 12. TOLAKAN (*SET-OFF*)

- 12.1 Jika Kontraktor gagal memenuhi tanggungjawabnya atau melakukan apa-apa pelanggaran terma-terma atau syarat-syarat Perjanjian ini, Kerajaan berhak untuk memotong apa-apa pembayaran atau apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini.
- 12.2 Jika tolakan oleh Kerajaan menurut Klausula 23.1 tidak mencukupi bagi menampung tuntutan wang yang perlu dibayar dan terhutang oleh Kontraktor kepada Kerajaan di bawah perjanjian ini, Kerajaan boleh menuntut baki wang itu daripada Kontraktor melalui notis tuntutan bertulis dan Kontraktor hendaklah membuat pembayaran dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan notis tuntutan itu.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membuat pembayaran selepas tamat tempoh seperti yang dinyatakan dalam Klausula 23.2 di atas atau apa-apa tempoh lain yang telah diberikan oleh Kerajaan, maka Kerajaan boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada Kontraktor.
- 12.4 Hak Kerajaan di dalam klausula ini adalah sebagai tambahan kepada hak-hak Kerajaan di dalam Perjanjian ini dan tidak akan sama sekali menyekat hak-hak Kerajaan yang lain sama ada secara nyata atau tersirat di dalam Perjanjian ini atau di sisi undang-undang untuk menuntut ganti rugi daripada Kontraktor kerana gagal melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini.

## 13. LATIHAN PENGENDALIAN

- 13.1 Kontraktor hendaklah apabila dikehendaki oleh Kerajaan, memberikan latihan kepada pelatih, perintis, pegawai atau kakitangan Kerajaan di mana tempat, jangka masa dan bilangan pelatih, perintis, pegawai atau kakitangan Kerajaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh Pihak-Pihak.

- 13.2 Kontraktor atau mana-mana orang bagi pihak Kontraktor hendaklah dalam masa latihan tersebut mengajar pelatih, perintis, pegawai atau kakitangan Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan, penyelenggaraan dan cara-cara membaiki Peralatan tersebut sekiranya ia rosak tanpa mengenakan apa-apa caj bayaran.

#### 14. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 14.1 Kontraktor hendaklah memberikan representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa—
- (a) ia adalah sebuah perniagaan berdaftar dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
  - (b) ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan Malaysia melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh Kerajaan;
  - (c) ia mempunyai kuasa korporat untuk memasuki dan melaksanakan obligasi dan memberikan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini;
  - (d) ia telah mengambil segala langkah dan tindakan korporat yang perlu untuk memasuki dan melaksanakan obligasi Kontraktor serta memberikan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini;
  - (e) pada Tarikh Berkuat Kuasa, pelaksanaan atau penjalanan Perjanjian ini tidak menyalahi atau melanggar dalam apa jua cara sekali pun peruntukan atau apa-apa perkara berkenaan dengan perlembagaannya atau apa-apa dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
  - (f) ia tidak tertakluk kepada apa-apa litigasi perundangan, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding pentadbiran pada waktu semasa atau waktu yang tertangguh, atau yang pada pengetahuannya boleh menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;
  - (g) ia tiada litigasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian atau prosiding pentadbiran pada masa ini, atau yang belum selesai, atau yang akan berlangsung dalam pengetahuan Kontraktor, yang menjejaskan, mempunyai kesan yang merosakkan terhadap Kontraktor atau terhadap keupayaannya melaksanakan tanggungjawab kewangan atau tanggungjawab lain dalam Perjanjian ini;
  - (h) Perjanjian ini merupakan tanggungjawab yang sah dari segi perundangan dan mengikat Kontraktor dan berkuat kuasa mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini;

- (i) tiada perbuatan rasuah, aktiviti haram atau menyalahi undang-undang telah digunakan bagi mendapatkan hak untuk melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini; dan
  - (j) ia mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan teknikal yang diperlukan untuk melaksanakan Perkhidmatan dalam Perjanjian ini,
- dan Kontraktor mengambil maklum bahawa Kerajaan telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.
- 14.2 Kontraktor selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa representasi dan waranti yang diberikan di bawah **Klausu 25.1** Perjanjian ini hendaklah kekal benar dan tepat dalam semua aspek material di sepanjang Tempoh Perjanjian kecuali **Klausu 25.1(g)**.

## 15. **FORCE MAJEURE**

- 15.1 Pihak-Pihak tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini sekiranya Pihak-Pihak tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya akibat berlakunya kejadian *Force Majeure*. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud—
- (a) peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
  - (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
  - (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir dan kebakaran bawah tanah yang spontan, tsunami atau apa-apa bencana alam;
  - (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
  - (e) tekanan ombak yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
  - (f) rusuhan, kekecohan dan gangguan, kerosakan jenayah, sabotaj, mogok, sekat masuk, kekacauan buruh atau gangguan industri lain (yang menjejaskan pelaksanaan Perjanjian ini) yang bukan merupakan kesalahan Kontraktor atau kontraktornya, atau Kerajaan, yang menyebabkan, atauboleh dengan munasabahnyanya dijangka menyebabkan, mana-mana Pihak gagal untuk mematuhi obligasinya;

- (g) pandemik atau epidemik; atau
- (h) apa-apa peristiwa yang tidak dapat diramalkan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan di bawah:
- (i) di luar kawalan munasabah Pihak yang terjejas oleh peristiwa itu, keadaan atau gabungan peristiwa atau keadaan;
- (j) yang tidak dapat diramalkan atau, jika dapat diramalkan, tidak boleh dihalang atau dielak atau diatasi oleh Pihak yang terjejas yang telah mengambil segala usaha yang wajar dan cermat;
- (k) yang secara langsung menyebabkan Pihak yang terjejas tidak berupaya untuk mematuhi semua atau suatu bahagian material obligasinya di bawah Perjanjian ini; dan
- (l) yang bukan akibat langsung pelanggaran oleh Pihak yang terjejas obligasinya di bawah Perjanjian ini.

**DENGAN SYARAT BAHAWA** kejadian *Force Majeure* hendaklah tidak termasuk kemerosotan ekonomi, ketiadaan atau kekurangan dana atau kekurangan pembiayaan di pihak Kontraktor untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini.

- 15.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat kejadian *Force Majeure*, maka Pihak tersebut hendaklah serta-merta memaklumkan kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan mengemukakan laporan terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* tersebut dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.
- 15.3 Pihak-Pihak tidak berhak untuk bersandarkan kepada peruntukan-peruntukan klausa ini melainkan sekiranya Pihak-Pihak telah berpuas hati bahawa kejadian *Force Majeure* benar-benar berlaku.
- 15.4 Jika Pihak-Pihak merasakan bahawa kejadian *Force Majeure* yang berlaku itu adalah pada tahap yang sebegitu teruk atau telah berterusan untuk suatu tempoh yang sebenarnya menggagalkan niat asal Perjanjian ini, maka bolehlah Perjanjian ini ditamatkan atas persetujuan bersama.
- 15.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan akibat kejadian *Force Majeure* di bawah **Klausa 26.4**, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak hendaklah terhenti dan mana-mana pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing

tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.

- 15.6 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertanggung atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi-obligasi berkenaan hendaklah, sementara menunggu pelaksanaan klausa ini, terus berkuat kuasa.

## 16. PENAMATAN PERJANJIAN

### 16.1 Penamatan Oleh Kerajaan

16.1.1 Sekiranya Kontraktor tanpa apa-apa sebab yang munasabah—

- (a) menangguhkan atau enggan melaksanakan Perkhidmatan tersebut;
- (b) gagal memberikan Perkhidmatan tersebut secara tekun dan berterusan seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini;
- (c) gagal memberikan Perkhidmatan tersebut atau gagal menjalankan atau mematuhi obligasi seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini;
- (d) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana terma-terma atau syarat-syarat Perjanjian ini; atau
- (e) mengemukakan dokumen atau maklumat palsu, tidak sah atau tidak tulen kepada Kerajaan,

Kerajaan berhak memberikan notis tujuan penamatan kepada Kontraktor dengan menyatakan butiran mengenai kegagalan atau kemungkiran itu ("**Notis Kemungkiran**") dan menghendaki Kontraktor untuk meremedikan kegagalan atau kemungkiran itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu ("**Tempoh Remedi**"). Sekiranya Kontraktor gagal untuk meremedikan kegagalan atau kemungkiran itu dalam Tempoh Remedi, Kerajaan berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberikan notis penamatan kepada Syarikat ("**Notis Penamatan**").

16.1.2 Sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Perjanjian—

- (a) suatu perintah penerimaan atau resolusi dibuat terhadap Kontraktor, kecuali untuk tujuan pembentukan semula atau penggabungan yang tidak melibatkan pelupusan aset yang mana kepentingan pemiutang adalah terpelihara;

- (b) Kontraktor digulungkan atau pegawai penerima dilantik untuk menguruskan aset Kontraktor atau Kontraktor menyerahhak atau membuat apa-apa penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau memberhentikan pembayaran atau tidak berkemampuan untuk membayar hutang; atau
- (c) pelaksanaan dibuat terhadap sebahagian besar aset Kontraktor kecuali ia telah memulakan tindakan dengan suci hati untuk mengeneipkan pelaksanaan tersebut,

Kerajaan berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberikan Notis Penamatan.

#### 16.1.3 Kesan-Kesan Penamatan oleh Kerajaan

Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan menurut peruntukan **Klausu 27.1.1** atau **27.1.2—**

- (a) apa-apa hak, kuasa dan obligasi yang dikenakan kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini hendaklah ditamatkan dengan serta-merta;

Kontraktor hendaklah—

- (i) menamatkan pelaksanaan segala Perkhidmatan dengan serta merta;
- (ii) dengan kos dan perbelanjaan Kontraktor sendiri, memindah dan mengeluarkan semua peralatan dan kelengkapan milik Kontraktor yang tidak diperlukan oleh pentadbir Premis dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas tarikh Notis Penamatan dikemukakan dan meremedikan semua kerosakan yang disebabkan oleh pemindahan tersebut;
- (iii) menyerahkan kepada Kerajaan laporan terperinci berkenaan bayaran yang perlu dibayar sebelum penamatan itu untuk diteliti dan dipertimbangkan untuk kelulusan Kerajaan;
- (iv) mengemukakan kepada Kerajaan tuntutan berserta inoivis dan dokumen sokongan berhubung dengan bayaran yang terhutang dan perlu dibayar setakat tarikh Notis Penamatan untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada Kerajaan;
- (v) menamatkan semua perjanjian pihak ketiga yang melibatkan Kontraktor berhubung dengan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini; dan
- (vi) menanggung apa-apa kerugian dan kerosakan yang dialami dan / atau ditanggung oleh Kerajaan akibat penamatan Perjanjian ini.

Kerajaan—

- (i) berhak menuntut kepada Kontraktor apa-apa ganti rugi bagi kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan sebagai akibat kepada penamatan Perjanjian ini;
- (ii) hendaklah membayar kepada Kontraktor apa-apa bayaran yang terhutang dan perlu dibayar setakat tarikh Notis Penamatan Perjanjian ini; dan
- (iii) berhak melantik pihak ketiga untuk meneruskan pelaksanaan Perjanjian ini dan Kontraktor hendaklah membuat bayaran kepada Kerajaan untuk apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi menyempurnakan pelaksanaan Perjanjian tersebut selaku bayaran yang perlu dibuat kepada Kontraktor apabila Kontraktor menyempurnakan pelaksanaan Perkhidmatan tersebut jika Perjanjian ini tidak ditamatkan menurut **Klausu 27.1.1** atau **27.1.2**.

Walau apa pun, penamatan itu tidak boleh menyentuh atau menjejaskan hak mana-mana Pihak yang telah terakru sebelum tarikh penamatan Perjanjian ini dan obligasi di bawah Perjanjian ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan Perjanjian ini berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang berlaku sebelum penamatan Perjanjian ini. Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan, Kerajaan berhak mengemukakan maklumat Kontraktor kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan tatatertib.

#### 27.2.1 Penamatan oleh Kontraktor

27.2.2 Kontraktor berhak menamatkan Perjanjian ini sekiranya Kerajaan tanpa sebab yang munasabah gagal untuk melaksanakan atau memenuhi mana-mana obligasinya yang secara langsung menjejaskan obligasi Kontraktor di bawah Perjanjian ini. Kontraktor hendaklah memberikan notis tujuan penamatan secara bertulis kepada Kerajaan menyatakan butiran mengenai kegagalan atau kemungkiran itu dan meminta Kerajaan untuk meremedikan kegagalan atau kemungkiran itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak. Jika Kerajaan gagal untuk meremedikan kegagalan atau kemungkiran itu dalam tempoh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan, maka Kontraktor berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis penamatan secara bertulis kepada Kerajaan.

#### 27.2.3 Kesan-Kesan Penamatan oleh Kontraktor

Sekiranya penamatan Perjanjian ini berlaku menurut **Klausu 27.2.1**, Kontraktor hendaklah menerima aku janji daripada Kerajaan yang menyatakan bahawa Kerajaan telah menyelesaikan secara lengkap semua tuntutan yang kena dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor berkaitan peruntukan Perjanjian ini—

- (a) Kerajaan hendaklah membuat bayaran kepada Kontraktor untuk apa-apa bayaran yang terhutang dan kena dibayar kepada Kontraktor pada tarikh notis penamatan Perjanjian ini dengan syarat bahawa Kerajaan hendaklah berhak untuk menolak apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada Kerajaan daripada Kontraktor dibawah Perjanjian ini; dan
- (b) Kontraktor hendaklah—
- (i) menamatkan pelaksanaan segala Perkhidmatan dengan serta merta;
  - (ii) dengan kos dan perbelanjaan Kontraktor sendiri, memindah dan mengeluarkan semua peralatan dan kelengkapan Kontraktor, subkontraktor atau ejen-ejennya dan meremedikan semua kerosakan yang disebabkan oleh pemindahan tersebut;
  - (iii) mengemukakan kepada Kerajaan tuntutan berserta inuis dan dokumen sokongan berhubung dengan bayaran bulanan yang terhutang dan kena dibayar setakat tarikh notis penamatan untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada Kerajaan; dan
  - (iv) menerima aku janji Kerajaan sebagai penyelesaian penuh dan lengkap bagi semua tuntutan untuk bayaran yang timbul di bawah Perjanjian ini.

## 17. PENAMATAN KERANA RASUAH, AKTIVITI-AKTIVITI YANG TIDAK SAH ATAU MENYALAHU UNDANG-UNDANG

17.1 Tanpa prejudis kepada apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika Kontraktor, kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti-aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau perjanjian-perjanjian lain yang dimeterai oleh Kontraktor tersebut dengan Kerajaan, maka Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis yang berkuat kuasa serta-merta kepada Kontraktor bagi tujuan penamatan Perjanjian ini.

17.2 Dengan penamatan di bawah **Klausu 28.1** tersebut, maka kesan-kesan penamatan menurut **Klausu 27.1** adalah terpakai.

17.3 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak dengan ini bersetuju bahawa Kontraktor tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian termasuklah kehilangan



keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.

## 18. PENAMATAN ATAS SEBAB KEPENTINGAN NEGARA

- 18.1 Walau apa pun dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan, tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari, suatu notis bertulis kepada Kontraktor tanpa apa-apa tanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab, jika Kerajaan berpendapat bahawa penamatan tersebut adalah perlu untuk Kepentingan Negara, Kepentingan Keselamatan Negara atau bagi maksud Dasar Kerajaan atau Dasar Awam.
- 18.2 Bagi maksud klausa ini, apa yang merupakan “Kepentingan Negara”, “Kepentingan Keselamatan Negara”, “Dasar Kerajaan” dan “Dasar Awam” hendaklah dibuat dan ditentukan oleh Kerajaan dan penentuan tersebut bagi semua maksud adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.
- 18.3 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan di bawah **Klausa 29.1**, maka kesan-kesan penamatan menurut **Klausa 27.2** adalah terpakai.
- 18.4 Pihak-Pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi yang lain termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.

## 19. PENYELESAIAN PENUH DAN MUKTAMAD

Pihak-Pihak bersetuju jika Perjanjian ini ditamatkan, Kontraktor tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos perbelanjaan dan sebagainya selain daripada yang diperuntukkan mengikut Klausa 27.1.3(c)(ii) dan 27.2.2(a) Perjanjian ini. Pihak-Pihak bersetuju bahawa pembayaran oleh Kerajaan menurut Klausa 27.1.3(c)(ii) dan 27.2.2(a) adalah terjumlah kepada suatu penyelesaian penuh dan muktamad antara Pihak-Pihak.

## 20. DUTI SETEM

Apa-apa kos penyediaan Perjanjian ini dan duti setem yang harus dibayar hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor.

## 21. JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 21.1 Sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan antara Pihak-Pihak berkaitan mana-mana bahagian dalam Perjanjian ini (melainkan sekiranya Kerajaan hendak melaksanakan hak Kerajaan sepenuhnya di bawah peruntukan Perjanjian ini) boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang terdiri daripada—
- (a) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia atau mana-mana Pegawai yang dilantik olehnya sebagai Pengerusi;
  - (b) seorang (1) wakil yang dilantik oleh Kerajaan; dan
  - (c) seorang (1) wakil yang dilantik oleh Kontraktor.
- 21.2 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas bagi memberikan nasihat mengenai sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pakar bebas yang dilantik tersebut hendaklah dikongsi sama rata oleh Pihak-Pihak.
- 21.3 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan prosedur-prosedurnya yang tersendiri bagi mencapai jalan penyelesaian. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berjumpa dan berusaha untuk mencapai jalan penyelesaian secara baik antara Pihak-Pihak tentang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepadanya.
- 21.4 Jika sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak dapat dipersetujui oleh Pihak-Pihak dalam masa \_\_\_\_\_ hari selepas tarikh perkara, \_\_\_\_\_ pertikaian atau tuntutan dirujuk, maka Pihak-Pihak bolehlah merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada penimbang tara menurut peruntukan **Klausu 33**.
- 21.5 Apa-apa keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah mengikat Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini.

## 22. TIMBANG TARA

- 22.1 Jika apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan yang dinyatakan dalam **Klausu 32** di atas tidak dapat diselesaikan secara aman atau baik oleh Pihak-Pihak, maka perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut boleh dirujuk kepada Penimbang Tara yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak atau sekiranya tidak ada persetujuan,

hendaklah dicalonkan, atas permohonan oleh salah satu Pihak kepada Perjanjian ini, oleh Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) dan apa-apa rujukan hendaklah dianggap sebagai suatu rujukan kepada timbang tara mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*]. Keputusan yang diberikan oleh Penimbang Tara adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini.

- 22.2 Setiap prosiding timbang tara hendaklah dijalankan di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) dengan menggunakan kesemua kemudahan dan kelengkapan yang tersedia di pusat tersebut atau di mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh Penimbang Tara dan dipersetujui oleh Pihak-Pihak.
- 22.3 Rujukan kepada apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan kepada timbang tara selaras dengan Klausula ini dan/atau pelanjutan prosiding timbang tara akibat daripadanya hendaklah tanpa menyentuh apa-apa tuntutan oleh mana-mana Pihak terhadap Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa pelanggaran terdahulu terhadap mana-mana Klausula atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.
- 22.4 Apa-apa kos berkenaan dengan rujukan kepada Penimbang Tara di bawah Klausula ini hendaklah ditanggung secara bersama oleh Pihak-Pihak.

## 23. PENEPIAN HAK

- 23.1 Kegagalan Kerajaan dan/atau Kontraktor menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penafian hak, melainkan ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.
- 23.2 Sebarang penafian hak hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk dan dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia atau wakilnya yang diberi kuasa dengan sewajarnya.

## 24. PEMBERIAN TIDAK JUJUR DAN PEMBAYARAN KOMISEN

- 24.1 Kontraktor adalah dilarang daripada membuat tawaran, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana pegawai Kerajaan sebarang bentuk balasan atau hadiah sebagai dorongan untuk atau kerana melakukan atau bersetuju untuk melakukan apa-apa perbuatan yang berkait rapat dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini dan/atau mana-mana perjanjian lain dengan Kerajaan Malaysia.
- 24.2 Jika didapati berlakunya pelanggaran **Klausula 35.1** oleh Kontraktor, ejen, pekhidmat atau pekerjanya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan

Kontraktor) berhubung dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana perjanjian lain dengan Kerajaan sehingga terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], maka Kerajaan sentiasa mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan apa-apa ganti rugi daripada Kontraktor yang timbul akibat penamatan Perjanjian ini.

## 25. NOTIS

25.1 Apa-apa notis, kelulusan, persetujuan, permintaan, keperluan, kebenaran atau komunikasi lain yang diperlukan, diluluskan, dibenarkan atau dijangka untuk diberikan atau dibuat menurut Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam bahasa Melayu dan disampaikan melalui pos berdaftar atau penyampaian kediri ke alamat, dihantar ke nombor faksimile atau ke alamat e-mel Pihak-Pihak, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana dinyatakan di bawah atau ke mana-mana alamat, nombor faksimile atau alamat e-mel yang lain sebagaimana salah satu Pihak telah memaklumkan pengirim. Bukti penyampaian notis tersebut hendaklah disifatkan telah disampaikan atau dibuat –

- (a) dalam hal penyampaian melalui pos berdaftar, pada hari ketiga ia di pos ke alamat tersebut;
- (b) dalam hal penyampaian secara kediri, apabila disampaikan kepada penerima di alamat tersebut dan suatu pengakuan terima diperoleh;
- (c) dalam hal dihantar melalui faksimile, apabila nombor faksimile penerima dipamerkan pada cetakan pengirim bagi pengesahan penghantaran mengenai dengan tarikh, masa dan penghantaran kesemua muka surat; atau
- (d) dalam hal e-mel, apabila dihantar tanpa apa-apa mesej kesilapan (*error message*),

### **Kepada Kerajaan:**

**Alamat** : \_\_\_\_\_

**No. Telefon** : \_\_\_\_\_

**Alamat e-mel** : \_\_\_\_\_

**Kepada Kontraktor:**

**Alamat :**

**No. Telefon :**

**No. Faks :**

**Alamat e-mel :**

- 25.2 Menjadi kewajipan Pihak-Pihak untuk memaklumkan kepada Pihak yang satu lagi jika berlaku pertukaran alamat, nombor faksimile atau alamat e-mel dengan memberikan notis bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pertukaran alamat, nombor faksimile atau alamat e-mel tersebut.
- 25.3 Bagi mengelakkan keraguan, kaedah penyampaian notis yang ditetapkan menurut Klausula ini tidaklah terpakai kepada notis yang dikehendaki untuk diberikan menurut mana-mana undang-undang yang terpakai yang berhubungan dengan Perjanjian ini.

**26. MASA**

Masa hendaklah menjadi inti pati kepada Perjanjian ini.

**27. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**

- 27.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikutoleh undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.
- 27.2 Kontraktor hendaklah mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 27.3 Kontraktor hendaklah memastikan pekerja Kontraktor dan mana-mana Kontraktor Kecil yang dilantik di bawah **Klausula 21** turut mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah atau kehendak

yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

## 28. PINDAAN PERJANJIAN

Tiada pindaan, ubah suaian atau perubahan kepada peruntukan Perjanjian ini boleh berkuat kuasa melainkan jika dibuat secara persetujuan bersama dan dibuat secara bertulis melalui perjanjian tambahan yang merujuk secara khusus kepada Perjanjian ini dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak dengan sewajarnya.

## 29. KETIDAKSELARASAN PERUNTUKAN DALAM PERJANJIAN

29.1 Jika mana-mana klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan di bawah undang-undang masa kini atau undang-undang masa depan, klausa atau peruntukan atau bahagian tersebut akan dibolehasingkan sepenuhnya ("*fully severable*").

29.2 Sekiranya perkara yang dinyatakan di **Klausa 40.1** berlaku, Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dilaksanakan seolah-olah klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut tidak pernah membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa atau peruntukan atau bahagian yang lain akan kekal dengan sepenuhnya kesan dan peranannya dan tidak akan terjejas oleh klausa atau peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut atau oleh pengasingannya daripada Perjanjian ini.

## 30. KERAHSIAAN

30.1 Kontraktor tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak.

30.2 **Klausa 41** hendaklah berkuat kuasa dan terus wujud selepas peluputan atau penamatan Perjanjian ini atas apa-apa sebab pun.

### 31. PENGUATKUASAAN TERHADAP PENGGANTI

Perjanjian ini adalah mengikat ke atas pengganti, wasi, pentadbir, wakil, penerima pindah milik dan pemegang serah hak bagi Pihak-Pihak yang memasuki Perjanjian ini.

### 32. OBLIGASI AM PIHAK-PIHAK

32.1 Sepanjang Tempoh Perjanjian dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah pada setiap masa dalam melaksanakan Perkhidmatan—

- (a) melaksanakan Perkhidmatan dengan teratur, memuaskan hati Kerajaan, sempurna dan profesional berdasarkan amanah pengurusan yang baik bagi kepentingan Kerajaan;
- (b) mengambil semua langkah-langkah yang perlu bagi memastikan dan melindungi kepentingan Kerajaan supaya tidak terjejas;
- (c) mengambil semua langkah-langkah yang perlu untuk memastikan Perkhidmatan memenuhi terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini;
- (d) memaklumkan kepada Kerajaan secara bertulis dengan serta merta apabila berlaku apa-apa faktor atau kejadian, yang boleh memberikan kesan terhadap Perjanjian ini. Makluman tersebut hendaklah tidak ditafsirkan sebagai pengecualian terhadap tanggungjawab Kontraktor dalam Perjanjian ini;
- (e) bertanggungjawab sepenuhnya di sisi undang-undang di atas segala penyelewengan yang dilakukan oleh pekerja Kontraktor sama ada dari segi penyelewengan kerja atau penipuan berkaitan dengan Perkhidmatan yang diberikan;
- (f) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa kenaikan kos Perkhidmatan yang melebihi Anggaran Nilai Perjanjian tanpa meletakkan apa-apa liabiliti atau tanggungan ke atas Kerajaan;
- (g) memberi jaminan bahawa Peralatan yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini adalah produk keluaran semasa, baharu, tulen dan belum pernah digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk **DENGAN SYARAT** Peralatan tersebut tidak diubah suai oleh Kerajaan tanpa memberikan sebarang notis kepada Kontraktor;

- (h) membenarkan Kerajaan yang telah dengan sewajarnya membayar bayaran bulanan dan melaksanakan serta mematuhi obligasinya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menggunakan secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Perjanjian tanpa gangguan atau kekacauan oleh Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi Kontraktor;
- (i) memastikan bahawa Peralatan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Kontraktor hendaklah menyediakan Khidmat Penyelenggaraan mengikut Klausa 11 sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan tanpa mengenakan apa-apa caj kepada Kerajaan; dan
- (j) memberi jaminan bahawa pelaksanaan Khidmat Penyelenggaraan akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran kerja.

32.2 Sepanjang Tempoh Perjanjian, Kerajaan hendaklah—

- (a) melaksanakan mesyuarat penyelarasan perkhidmatan yang melibatkan jabatan/bahagian pengguna dan Kontraktor pada peringkat awal, pertengahan dan penghujung pembekalan Peralatan (sekiranya perlu);
- (b) memastikan Kontraktor mematuhi semua terma dan syarat dalam Perjanjian ini;
- (c) memberi peringatan atau amaran secara bertulis kepada Kontraktor sekiranya Kontraktor didapati melanggar terma dan syarat dalam Perjanjian ini; dan
- (d) menamatkan Perjanjian ini sekiranya Kontraktor tidak mematuhi atau menunjukkan prestasi yang lemah semasa tempoh perjanjian.

### 33. PERSETUJUAN KONTRAKTOR

Kontraktor bersetuju dan membenarkan Kerajaan pada bila-bila masa menyemak dan mendapatkan pengesahan maklumat atau dokumen yang dikemukakan oleh Kontraktor berkaitan Perkhidmatan dengan mana-mana pihak yang mengeluarkan dokumen asal sepanjang Tempoh Perjanjian ini bagi tujuan verifikasi.

**(SEBAHAGIAN DARIPADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)**



**PADA MENYAKSIKAN**, perkara-perkara yang tersebut di atas Pihak-Pihak sebagai wakil-wakil yang sah dan diberi kuasa kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai masing-masing pada tarikh mula-mula yang tertulis di atas

**UNTUK DAN BAGI PIHAK KERAJAAN MALAYSIA:**

**(KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA)**

Oleh :

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

**TIDAK BERKAITAN**

.....

( Tandatangan & Cop )

**SAKSI:**

Nama :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

.....

( Tandatangan & Cop )

UNTUK DAN BAGI PIHAK KONTRAKTOR:

\_\_\_\_\_ (NO. PENDAFTARAN SYARIKAT: \_\_\_\_\_)

Oleh :

Nama :

Jawatan : .....

( Tandatangan & Cop )

No. Kad Pengenalan :

TIDAK BERKAITAN

SAKSI:

Nama :

Jawatan : .....

( Tandatangan & Cop )

No. Kad Pengenalan :

## Jadual A

## BUTIRAN SYARIKAT

Nama Syarikat	
No. Pendaftaran Syarikat	
Penubuhan Syarikat (nyatakan penubuhan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197])	
Alamat pendaftaran Syarikat	
Alamat perniagaan Syarikat jika berbeza dari alamat pendaftaran	
No. Telefon	
No. Faks	
Alamat email	
Nama pegawai atau pekhidmat Syarikat berkenaan dengan Perjanjian ini	

TIDAK BERKAITAN

**Jadual B**

**[Klausu 3]**

**TEMPOH PERJANJIAN, TARIKH BERKUAT KUASA DAN TARIKH TAMAT**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tempoh / Tarikh</b>
1.	Tempoh Perjanjian (jumlah dalam bulan)	
2.	Tarikh Berkuat Kuasa	
3.	Tarikh Tamat	

**TIDAK BERKAITAN**

## Jadual C

[Klausu 4.2]

## BAYARAN TAMBAHAN

CAJ BACAAN METER (BAGI SETIAP SALINAN)				
BIL.	JENIS SALINAN	CAJ SESALINAN (RM)	ANGGARAN PENGGUNAAN SEBULAN (RM)	ANGGARAN PENGGUNAAN SETAHUN (RM)
1.	Hitam/Putih			
NILAI KESELURUHAN ANGGARAN BACAAN METER				

CAJ BACAAN METER (BAGI SETIAP SALINAN)				
BIL.	JENIS SALINAN	CAJ SESALINAN (RM)	ANGGARAN PENGGUNAAN SEBULAN (RM)	ANGGARAN PENGGUNAAN SETAHUN (RM)
1.	Warna			
NILAI KESELURUHAN ANGGARAN BACAAN METER				

[Klausa 16.8]

## PEMBAYARAN

Nilai Penyewaan Peralatan (dalam perkataan)		Ringgit Malaysia _____ Sahaja			
Nilai Penyewaan Peralatan (dalam angka)		RMxxx sebulan per unit			
BIL.	JENIS MESIN	KWANTITI	HARGA SEWA SEBULAN (RM)	JUMLAH SEWA SETAHUN (RM)	ANGGARAN PENGGUNAAN SETAHUN (RM)
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
NILAI KESELURUHAN BAYARAN SEWA					

**Jadual D**

**[Klausu 8.1]**

**TEMPOH PENGHANTARAN PERALATAN KEPADA KERAJAAN**

<p><b>Tempoh penghantaran (bilangan hari)</b></p>	
---	--

**TIDAK BERKAITAN**

Jadual E

[Klausa 16.1]

AKAUN BANK KONTRAKTOR

Nama Bank	
Alamat Bank	
No. Akaun	

TIDAK BERKAITAN



**Jadual F**

**[Klausa 17.1]**

**TEMPOH WARANTI PERALATAN**

<b>Tempoh (bilangan bulan)</b>	<b>TIDAK BERKAITAN</b>
------------------------------------	------------------------

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A - Surat Setuju Terima

Lampiran B - Anggaran Nilai Perjanjian

Lampiran C - Spesifikasi Perkhidmatan Penyewaan & Pembekalan Peralatan

Lampiran D - Skop Perkhidmatan

Lampiran E - Premis Kerajaan

Lampiran F – Sijil Akuan Penerimaan (SAP)

Lampiran G – Sijil Pemasangan dan Pengujian (SPP)

**TIDAK BERKAITAN**

**LAMPIRAN A**  
**Surat Setuju Terima**

**Nota: Masukkan Surat Setuju Terima selepas helaian ini.**

**TIDAK BERKAITAN**

## LAMPIRAN B

[Klausu 4.2]

## ANGGARAN NILAI PERJANJIAN

BAYARAN SEWA (RM)	ANGGARAN CAJ LAIN (RM)	NILAI PERJANJIAN (BAYARAN SEWA + CAJ LAIN )(RM)
Nilai Penyewaan Peralatan (dalam perkataan)		Ringgit Malaysia:
Nilai Penyewaan Peralatan (dalam angka)	RM	

**SPESIFIKASI PERKHIDMATAN PENYEWAAN**

**KOMPUTER PERIBADI**

**TIDAK BERKAITAN**

LAMPIRAN C

PEMBEKALAN PERALATAN

JENIS KOMPILER	JENIS DAN BILANGAN KOMPILER YANG DIPERLUKAN	

TIDAK BERKAITAN

## LAMPIRAN D

## SKOP PERKHIDMATAN KONTRAKTOR

BIL	CADANGAN SKOP PERKHIDMATAN
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	
10.	

TIDAK BERKAITAN

LAMPIRAN E

PREMIS KERAJAAN

\_\_\_\_\_, MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

JENIS KOMPUTER	BILANGAN KOMPUTER (UNIT)

TIDAK BERKAITAN



**CONTOH BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN**

Sebagai balasan kepada Kontrak No. .... yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan ....., (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi membekal/menyerah/melaksana/menyiap ....., (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudiandari daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut carasebagaimana yang terdapat kemudiandari daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut :

1. Apabila Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM.....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM ..... ) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal" (Initial Expiry Date) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (Extended Expiry Date) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit ..... (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM.....).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat apada Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) atau Tarikh Mati Lanjutan (Extended Expiry Date) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk ) .....  
dan bagi pihak Penjamin ) Nama : .....  
di hadapan ) Jawatan : .....  
) Cop Bank/Syarikat Kewangan /Syarikat  
Insurans :


TIDAK BERKAITAN

.....  
(Saksi)


Nama : .....  
Jawatan : .....

Cop Bank/Syarikat Kewangan /Syarikat Insurans :

### CONTOH SIJIL MyHIJAU MARK DARIPADA MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CENTRE



### CONTOH SIJIL PERAKUAN KELULUSAN (CERTIFICATE OF ACCEPTANCE) DARIPADA SURUHANJAYA TENAGA MALAYSIA



RINGKASAN TAWARAN HARGA

PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA  
DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
BAGI TEMPOH 3 TAHUN.

MPAG/T/01/2024

BIL	ITEM / PERKARA	TEMPOH PENYEWAAN	JUMLAH HARGA (RM)
A.	PERKHIDMATAN SEWAAN KOMPUTER PERIBADI - 16GB - 32GB	36 BULAN	
	JUMLAH KESELURUHAN KONTRAK (RM)		

Nota:

- i. Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk kos lain yang berkaitan merangkumi insurans ke atas peralatan selama 3 tahun, kos penghantaran dan pemasangan peralatan dan penyelenggaraan pencegahan dan pembetulan (*preventive maintenance and corrective maintenance*) selama tempoh sewaan (kecuali Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST)).
- ii. Jumlah keseluruhan kontrak perlulah sama seperti di **Lampiran B2**.

.....  
Tandatangan & Cop Syarikat

Tarikh : .....

### JADUAL TAWARAN HARGA

**PERKHIDMATAN SEWAAN 110 UNIT KOMPUTER PERIBADI CEKAP TENAGA DAN MESRA ALAM UNTUK PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TEMPOH 3 TAHUN.**

**MPAG/T/01/2024**

BIL	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH HARGA (RM)
1.	PERKHIDMATAN SEWAAN KOMPUTER PERIBADI:		
	i. KOMPUTER PERIBADI SPESIFIKASI 16 GB	90 UNIT	
	ii. KOMPUTER PERIBADI SPESIFIKASI 32 GB	20 UNIT	
	<b>KADAR HARGA SATU (1) BULAN</b>		
	<b>KADAR HARGA SATU (1) TAHUN @ 12 BULAN</b>		
	<b>KADAR HARGA TIGA (3) TAHUN @ 36 BULAN</b>		

**Ringgit Malaysia** .....

..... (dalam perkataan).

**TEMPOH PEMBEKALAN 10 MINGGU DARI TARIKH SURAT SETUJU TERIMA**

Tandatangan Pengarah Syarikat : .....

Nama Penuh : .....

No K.P : .....

Nama dan Alamat Syarikat : .....

.....

.....

Tandatangan Saksi : .....

Nama Penuh : .....

No K.P : .....

Tarikh : .....

.....

Cop Syarikat

**SYARAT-SYARAT KHAS**

1. Bekalan Perkhidmatan Sewaan 110 unit komputer peribadi mestilah dibuat selewat-lewatnya 10 minggu dari tarikh surat tawaran diberikan.
2. Tempoh jaminan semua perkakasan adalah selama 3 tahun dari tarikh bekalan.
3. Syarat-syarat Perkhidmatan Sewaan 110 unit komputer peribadi seperti berikut :-
  - a. Penyewaan adalah untuk 3 tahun (36 bulan).
  - b. Penyelenggaraan secara *on call basis* serta penyelenggaraan pencegahan secara berkala bagi setiap 6 bulan dilaksanakan secara percuma dimana petender hendaklah menanggung semua kos penyelenggaraan dan pembaikan peralatan yang dilaksanakan.
  - c. Penyelenggaraan peralatan serta menukarkan alat-alat ganti tanpa sebarang kos tambahan :-
    - i. Minor : Dalam tempoh **4 jam** (jika aduan dibuat sebelum jam 3.00petang) manakala jika aduan dibuat selepas waktu tersebut, petender perlu mengambil tindakan sebelum jam 10.00 pagi keesokan harinya.

Sekiranya melibatkan kaunter bersepadu MPAG, tempoh yang diberi bagi pembaikan adalah **2 jam**. Jika melebihi tempoh yang ditetapkan, penggantian komputer peribadi mesti dibuat. Spesifikasi peralatan gantian perlulah setara dengan peralatan sedia ada.
    - ii. Major : Dalam tempoh **3 hari** bekerja dan sekiranya pembekal mengambil peralatan tersebut ianya perlu digantikan dengan dengan peralatan lain sebagai gantian bagi mengelakkan kerja-kerja tertangguh. Spesifikasi peralatan gantian perlulah setara dengan peralatan sedia ada.
4. Petender dikehendaki menyediakan e-Borang Penyelenggaraan Pencegahan dan e-Borang Penyelenggaraan serta laporan e-Borang tersebut boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
5. e-Borang Penyelenggaraan perlu digunakan pada setiap pembaikan, penyelenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya pada setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan serta perlu disahkan oleh wakil Jabatan Teknologi Maklumat.
6. Sekiranya terdapat perubahan lokasi bagi peralatan tersebut di MPAG, kerja-kerja pemindahan dan instalasi perisian hendaklah dilaksanakan oleh pembekal tanpa sebarang kos tambahan yang dikenakan kepada pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah.
7. Peralatan yang dibekalkan mestilah beroperasi sepenuhnya dengan peralatan dan perisian yang terdapat di Majlis Perbandaran Alor Gajah.

8. Peralatan mestilah baharu, tulen, *non-clone*, *non-recond* dan belum pernah digunakan termasuk aksesori peralatan, berkeadaan baik, bebas dari sebarang kerosakan dan kecacatan serta perlu mendapatkan pengesahan dari wakil Jabatan Teknologi Maklumat. Jika didapati tidak tulen atau *recond*, kontrak akan terbatal secara serta merta.
9. Peralatan bercirikan cekap dan jimat tenaga. Mendapat sijil pengiktirafan dari agensi kerajaan (Sijil MyHijau) atau sijil pengiktirafan lain yang diiktiraf. (Sila sertakan salinan sijil berkaitan)
10. Peralatan yang dibekalkan hendaklah ICT mesra alam iaitu:

Kriteria	Spesifikasi Produk
Kriteria Utama (Core Criteria)	Setiap peralatan yang dibekalkan hendaklah sekurang-kurangnya memenuhi standard dan kepatuhan <b>Energy Star 5.2</b>
Kriteria Penganugerahan (Award Criteria)	i. Direkabentuk untuk <b>ditarkkan semula</b> ii. Pembekal perlu mempunyai <b>polisi mengambil kembali (take back)</b> iii. Menggunakan bahan <b>pembungkusan mesra alam</b>
Kriteria	Spesifikasi Produk
Kriteria Penganugerahan Tambahan Additional Award Criteria	i. Agen Pengelak Pembakaran ( <i>flame retardants</i> ) seperti PBB, PBDE, <i>chlorinated paraffins</i> di dalam bahagian plastik tidak boleh melebihi 25g ii. Kandungan <i>mercury</i> dan logam berat dalam bateri dan akumulator - <i>Mercury</i> < 1 ppm - <i>Cadmium</i> < 10 ppm - <i>Lead</i> < 100 ppm iii. <i>Cadmium</i> dan <i>mercury</i> tidak boleh terkandung dalam paparan ( <i>display</i> ). <i>Mercury</i> hanya dibenarkan dalam lampu pencahayaan ( <i>illumination lamp</i> ) paparan LCD sahaja.

11. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pencegahan hendaklah dilakukan oleh Syarikat Prinsipal Induk Malaysia di atas tanggungan Petender/ Syarikat Prinsipal. Aplikasi peralatan dan cadangan penyelesaian oleh Petender/ Syarikat Prinsipal hendaklah tidak luput dalam masa tiga (3) tahun akan datang.
12. Waktu penyelenggaraan pembaikan yang diperlukan adalah:  
**Isnin-Jumaat (tidak termasuk cuti umum)**  
**8.00 pagi – 5.00 petang**
13. Menyediakan peralatan baharu sekiranya peralatan yang dibekalkan kerap mengalami kerosakan (gagal berfungsi dengan baik) minimum 3 kali penyelenggaraan besar melibatkan alat ganti utama atau kerosakan kecil yang sama berulang-ulang sepanjang tempoh 36 bulan.
14. Penghantaran dan pemasangan peralatan.

Petender perlu menanggung segala kos yang terlibat dalam pemasangan *cabl* (*wiring*) Petender perlu menanggung segala kos penghantaran peralatan ke lokasi yang telah ditetapkan.

15. Juruteknik yang menjalankan penyelenggaraan peralatan:
  - Petender hendaklah memastikan juruteknik yang menjalankan penyelenggaraan peralatan mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diperlukan
  - Petender hendaklah memastikan juruteknik yang menjalankan penyelenggaraan peralatan telah menjalani proses tapisan keselamatan melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (PKPKK) .
16. Petendar bertanggungjawab untuk menjemput Jabatan pengguna semasa pembukaan pembungkusan dari syarikat pembekal bagi memastikan semua peralatan berada dalam keadaan baharu dan memenuhi spesifikasi sebelum pemasangan perisian.
17. Menginsurankan semua peralatan yang disewakan sepanjang tempoh kontrak dengan syarikat insurans di bawah polisi insurans yang komprehensif.
18. Pemasangan dan penyampaian perkhidmatan mestilah dibuat oleh pihak petender dalam tempoh sepuluh (10) minggu dari tarikh surat setuju terima. Petender perlu mengemukakan pelan pelaksanaan untuk memenuhi tempoh pelaksanaan yang telah ditetapkan. (nyatakan bilangan minggu sebelum berkuat kuasa kontrak)
19. Menyediakan latihan teknikal kepada kakitangan Jabatan Teknologi Maklumat yang akan diberikan secara percuma (tiada had bilangan peserta)
20. Menyediakan deraf kontrak bagi perkhidmatan sewaan tersebut bagi memudahkan proses pembayaran dibuat Majlis Perbandaran Alor Gajah
21. Lokasi perkhidmatan penyewaan adalah seperti di alamat berikut:-

Majlis Perbandaran Alor Gajah  
Lebuh AMJ,  
78000 Alor Gajah,  
Melaka.